



# العلوم


## MAJALAH AL-ULUM

KOLEKSI ARTIKEL  
ILMIAH DAN AKTIVITI  
PUSAT ISLAM &  
PEMBANGUNAN  
INSAN


**PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN UnMAP**

PIMPIN DIKTIRAF PENSIJILAN DALAMAN MS ISO 9001:2015

**EDISI KE-4**

**Mendalami Istilah  
Monkey See,  
Monkey Do**

**Doa Seorang  
Ayah**

**Kurma Ajwa :  
Sejarah, Sunnah Dan  
Kelebihannya**

**Pandanglah Dari  
Sudut Pandangan  
Mata Lebah**

**Konsep Nazafah  
& Kitar Semula**

**BAGAIMANA KERAJAAN  
ARAB SAUDI MEMANFAATKAN  
TEKNOLOGI DIGITAL DALAM  
PENGURUSAN HAJI DAN UMRAH  
DI ERA PANDEMIK  
COVID-19**

ISSN 2636-9990



9 772636 999003

# SIDANG REDAKSI

## MAJALAH AL-ULUM PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN



### **PENAUNG**

LT KOL PROF. TS. DR. ZALIMAN BIN SAULI  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

### **PENASIHAT**

PROF. DR. MOHD FO'AD SAKDAN  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)

### **PENGERUSI**

MUHAMMAD ADIB BIN HAJI HASSAN  
PENGARAH PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN

### **KETUA EDITOR**

NOR KHAIRINA BINTI HASSAN

### **EDITOR**

MOHD FIKRI AIMAN BIN MOHD ZULKEFLI  
NASRUL BIN CHE ALI  
NURHANISAH BINTI SHUKERI  
FARIZA ILEYNA BINTI MANSOR  
MAISARAH BINTI MAHMOOD

### **EDARAN DAN PROMOSI**

MOHD ROLFAIZAL BIN RODI

### **TUGAS-TUGAS KHAS**

MARFAIZA BINTI MOHAMAD  
AZLEEN BINTI ABDUL WAHAB

### **JURUFOTO**

PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN  
PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT



Scan QR kod  
untuk membaca  
majalah ini  
secara atas talian

# KANDUNGAN

- 04 Bicara Ketua Editor
- 05 Tinta Ilmu Pengarah Pengarah
- 06 Seuntai Kata Timbalan Naib Canselor HEPA
- 07 Sekapur Sirih, Seulas Pinang Naib Canselor
- 08 Temubual Bersama Pengarah Pusat Pengurusan Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran Pekerjaan (COSHE), UniMAP
- 10 Bagaimana Kerajaan Arab Saudi Memanfaatkan Teknologi Digital Dalam Pengurusan Haji dan Umrah Di Era Pandemik COVID-19
- 16 Mendalami Istilah *Monkey See, Monkey Do*
- 20 Doa Seorang Ayah
- 23 Kurma Ajwa : Sejarah, Sunnah Dan Kelebihannya
- 26 Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam Pasca Merdeka: Analisis Dari Sudut Perkembangan Dan Kesediaan
- 32 Aktiviti-Aktiviti Pusat Islam & Pembangunan Insan
- 42 Takwim Aktiviti Pusat Islam & Pembangunan Insan 2021
- 44 Takwim Aktiviti Pusat Islam & Pembangunan Insan Januari - Julai 2022
- 45 Peranan Sistem Etika Dalam Pengurusan Pusat Isolasi UniMAP Semasa Pandemik COVID-19 Mengikut Prosedur Operasi Standard
- 50 Penerimaan Kewujudan Tuhan Melalui Kemajuan Sains Dan Teknologi - Satu Persepsi
- 52 Pandanglah Dari Sudut Pandangan Mata Lebah
- 54 Konsep Nazafah & Kitar Semula
- 56 Amalan Muamalat Rasulullah

# Bicara Ketua Editor

Cik Nor Khairina Binti Hassan



Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh dan salam sejahtera

Majalah al-Ulum pada kali ini menghimpunkan artikel-artikel yang berilmu dan membina yang ditulis oleh penulis artikel dari kalangan staf UniMAP dan juga penulis dari luar UniMAP. Tajuk-tajuk artikel yang berkonsepkan teknologi, keluarga, kesihatan, undang-undang dan aktiviti-aktiviti anjuran Pusat Islam & Pembangunan Insan pada tahun 2021. Oleh itu, saya berharap para pembaca dapat memanfaatkan artikel-artikel ini supaya dapat menambah ilmu pengetahuan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam dalam sebuah hadis:

Maksudnya:

*Daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu, bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam: Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah akan memudahkan baginya jalan menuju ke syurga.*

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli sidang redaksi yang bertungkus lumus dari awal hingga akhirnya untuk menyiapkan majalah ini. Syabas juga diucapkan kepada semua penulis yang menyumbang artikel-artikel untuk edisi ke-4 ini. Jutaan penghargaan juga diucapkan kepada pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini.

**Cik Nor Khairina Binti Hassan**  
Ketua Editor

# Tinta Ilmu Pengarah

Ustaz Muhammad Adib bin Haji Hassan



Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh dan salam sejahtera

Alhamdulillah, maha suci Allah yang menjadikan segala jua nikmat di alam ini. Selawat dan salam buat junjungan besar nabi yang sentiasa memberi syafaat buat umatnya. Mudah-mudahan kita terdiri dari golongan yang akan mendapat syafaat dan kemenangan di akhirat kelak. Insyallah

Syukur pada Allah setelah 2 tahun kita berada dalam cabaran dan ujian pandemik COVID-19, dunia semakin hari bagai hendak bebas dengan ujian tersebut. Namun bukanlah mudah, ianya memerlukan satu kerjasama komitmen dan doa dari semua. Teringat saya dengan satu petikan dari petikan al-Hadith Daripada Mush'ab bin Sa'ad daripada ayahnya Sa'ad bin Abu Waqash, beliau berkata, saya bertanya: "Wahai Rasulullah, siapakah orang yang paling hebat cubaannya?" Nabi menjawab: "Para nabi, kemudian mereka yang selanjutnya (iaitu lebih utama) dan selanjutnya. Seorang hamba akan diuji sesuai kadar agamanya (keimanannya). Jika keimanannya kuat, maka cubaannya pun akan semakin berat. Jika keimanannya lemah, maka ia akan diuji sesuai dengan kadar imannya. Tidaklah cubaan ini akan diangkat daripada seorang hamba hingga Allah membiarkan mereka berjalan di muka bumi dengan tanpa dosa." (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Keadaan dunia hari ini kian mencabar, saban minggu pelbagai isu-isu panas yang viral di MEDSOS. Penghinaan terhadap Islam semakin rancak dan lagi peliknya orang Islam sendiri yang menghina Islam. Tidak sepatutnya berkata demikian kerana di akhirat kelak itulah insan yang paling mulia yang akan memberi kita syafaat. Rasulullah SAW merupakan insan yang paling agung di muka bumi ini. Kasihlah dan cintalah pada Rasulullah SAW. Sayangnya pada Islam nescaya kita tidak sesekali rugi di akhirat kelak.

Sidang pembaca yang dirahmati Allah,

Majalah al-Ulum Edisi 4 kali ini tampil dengan pelbagai corak ilmu. Penerbitan ini memberi tumpuan kepada penulisan berwacana

ilmiah bertujuan mendidik masyarakat agar tidak pernah berhenti untuk menimba ilmu. Allah telah memuliakan mereka yang menuntut ilmu di dalam Al-Quran. Firman Allah dalam surah al-Mujadalah ayat ke 11,

يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ  
وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ۝۱۱

"Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan"

Paparan dan penerangan dalam majalah kali ini adalah dengan gaya berbeza. Didoakan agar Majalah ini mampu menjadi bahan bacaan dan rujukan bagi menambah ilmu pengetahuan buat warga kampus UniMAP dan masyarakat. Mudah-mudahan Allah mempermudah segala urusan kami dalam menyampaikan hasrat dan matlamat penerbitan majalah ini.

Anak Kecil memungut jambu,  
Sudah kenyang lari ke hutan,  
Sejak kecil menuntut ilmu,  
Supaya senang hari kemudian,  
(*Khazanah Pantun Melayu Riau, DBP, 2007*)

سيروا على بركة الله

Ustaz Muhammad Adib bin Haji Hassan  
Pengarah  
Pusat Islam & Pembangunan Insan  
Universiti Malaysia Perlis

# *Seuntai Kata* **Timbalan Naib Canselor HEPA**

**Prof. Dr. Mohd Fo'ad Bin Sakdan**



***Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh  
Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan,***

***UniMAP Dua Dekad, Tradisi Gemilang,  
Teknologi Transformasi Komuniti***

Bersyukur ke hadrat Illahi diatas limpah kurnianya yang mengizinkan majalah Al Ulum edisi ke-empat ini diterbitkan. Syabas dan tahniah kepada Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) serta semua pihak yang bersama-sama merealisasikan penerbitan edisi kali ini.

Sesuai dengan Hadith Nabi S.A.W yang bermaksud "Sampaikanlah kalian daripadaKu walaupun sepotong ayat", penerbitan majalah Al-Ulum ini merupakan suatu medium penyampaian ilmu yang bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat dan ia wajar diteruskan di masa-masa hadapan.

Sejak beberapa tahun ini sehingga ke era endamik Covid-19, kita semua telah berjaya mengadaptasi norma baharu dalam kehidupan. Pelbagai cabaran dan rintangan telah kita hadapi. Samada sedar atau tidak, ia telah mematangkan kita semua.

PIMPIN turut memainkan peranan penting dalam melahirkan pemimpin yang seimbang dari sudut duniawi dan ukhrawi. Baik dalam kalangan pelajar mahupun staf. Penekanan kepada budaya kepimpinan terutama dalam keadaan negara yang sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran kritikal baik dari sudut kesihatan mahupun ekonomi, pemimpin harus menggunakan akal-budi yang waras dan hati yang luhur untuk meletakkan kepentingan organisasi sebagai matlamat yang unggul. Seterusnya dengan kebijaksanaan serta kebolehan mengemblem keupayaan semua segmen dalam organisasi akan membawa warganya keluar dari musibah, Insya Allah.

Kepada PIMPIN, semoga segala yang dirancang dapat dilaksanakan dengan penuh iltizam dan jayanya. Selamat maju jaya kepada seluruh warga PIMPIN dan UniMAP amnya.

**Prof. Dr. Mohd Fo'ad Bin Sakdan  
Timbalan Naib Canselor HEPA  
Universiti Malaysia Perlis**

*Sekapur Sirih  
Seulas Pinang*  
**Naib Canselor  
UniMAP**

**Lt Kol Prof. Ts. Dr. Zaliman Sauli**



***Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh  
Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan,***

***UniMAP Dua Dekad, Tradisi Gemilang,  
Teknologi Transformasi Komuniti***

*Alhamdulillah.* Pertamanya, Segala puji bagi Allah S.W.T. kerana dengan rahmat dan kurniaan-Nya, Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) UniMAP telah berjaya meneruskan penerbitan majalah al-Ulum bagi edisi yang keempat.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada sidang editorial yang bertungkus lumus dalam menyiapkan satu wadah yang menambah nilai pengetahuan dan membina intelek buat warga universiti dan masyarakat secara umumnya.

Setelah hampir dua tahun lamanya kita berada dalam krisis pandemik COVID-19, pelbagai cabaran, ujian dan dugaan yang perlu ditempuh bagi meneruskan kehidupan. Perubahan budaya pendidikan di kalangan warga universiti juga turut menerima kesan dan impak akibat COVID-19. Namun usaha bagi memacu warga universiti untuk terus menggapai kejayaan tidak harus berhenti dan perlu diteruskan. Di samping itu, keselamatan dan kesihatan warga universiti juga harus diutamakan bagi memastikan universiti kekal menjadi institusi yang selamat buat semua warganya. Seharusnya krisis COVID-19 menjadi

titik permulaan untuk kita semua mengubah cara berfikir dan bertindak dengan cara yang lebih kreatif dan inovatif dalam segala perancangan dan pelaksanaan.

Harapan saya agar PIMPIN UniMAP akan terus merangka dan melaksanakan pelbagai aktiviti-aktiviti bagi menyuburkan budaya menuntut ilmu buat warga universiti dan masyarakat setempat. Pembinaan masyarakat dan warga universiti yang mempunyai ilmu dan pengetahuan adalah amat penting bagi menghadapi kehidupan mendatang. Krisis-krisis yang akan datang dapat kita tempuh sekiranya kita memiliki pengetahuan yang baik. Justeru pendidikan yang betul dan benar adalah penting untuk kita kongsi kepada semua pihak.

Akhir sekali, sekali lagi ucapan terima kasih kepada sidang editorial dan tahniah atas penerbitan majalah al-Ulum bagi edisi keempat ini. Semoga kita semua warga UniMAP dapat mengharungi cabaran dewasa ini dengan lebih terbuka dan positif. Doa saya agar kesihatan, kesejahteraan dan kejayaan yang berterusan buat PIMPIN dan seluruh warga UniMAP, In sya Allah.

Sekian terima kasih.  
**Prof Ts. Dr Zaliman Sauli**  
**Naib Canselor**  
**Universiti Malaysia Perlis**

# Temubual Bersama

**Pengarah Pusat Pengurusan  
Keselamatan, Kesihatan &  
Persekitaran Pekerjaan  
(COSHE), UniMAP).**

**Encik Norazam Bin  
Abdul Rashid**

**(Pusat Pengurusan Keselamatan,  
Kesihatan & Persekitaran Pekerjaan  
Adalah Penerima Anugerah Al-Falah,  
Maal hijrah UniMAP 2020)**



**Tarikh / Hari : 9 Jun 2022 / Jumaat**

**Masa : 3.00 Petang**

**Tempat : COSHE, UniMAP**

**Editor : Cik Nor Khairina Binti Hassan**

## Soalan-soalan temubual

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan jutaan tahniah pada COSHE kerana telah mendapat anugerah Al-Falah pada Maal Hijrah UniMAP 2020.

**01**

**Boleh tuan berikan sedikit ucapan atas anugerah Al-Falah yang COSHE dapat pada Maal Hijrah UniMAP yang lepas?**

Terima kasih diucapkan kepada semua staf COSHE atas pengorbanan dan komitmen dari tahun pandemik hingga kini. Pada tahun 2020 adalah tahun negara dilanda Pandemik COVID-19 dan semua lapisan masyarakat sangat terjejas dari segi kehidupan harian seperti pekerjaan. Banyak staf yang tidak dapat hadir bekerja dan perlu bergilir untuk hadir bekerja kerana diri dan keluarga dijangkiti COVID-19 begitu juga pelajar yang tidak boleh hadir belajar di UniMAP. Pada tahun tersebut jugalah staf COSHE telah banyak berkorban masa dan tenaga untuk menjaga keselamatan dan kesihatan semua staf dan pelajar UniMAP.



## 02 Boleh tuan ceritakan mengenai sejarah COSHE UniMAP?

COSHE yang dahulunya dikenali sebagai Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (UKKP) mula ditubuhkan pada tahun 2004 dengan pimpinan pengarah yang pertama iaitu arwah Lt Kol (B) Azuddin Bahari pada tahun 2004 dan juga beberapa orang staf antaranya ialah Prof. Madya Ts. Dr. Norazian Mohamed Noor, Prof. Madya Dr. Midhat Nabil Ahmad Salimi dan Dr. Razi Ahmad. Pengarah kedua COSHE ialah Prof Madya Ts. Dr. Irnis Azura Zakarya yang dilantik dari Mac 2016 hingga April 2019 dan Pengarah yang ketiga COSHE sehingga kini ialah saya, Encik Norzam Bin Abdul Rashid.

Antara anugerah dan pengiktirafan yang telah COSHE perolehi adalah Anugerah Inovasi UniMAP 2007 dan Tempat Keunggulan ke-3 untuk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Peringkat Nasional 2006.

## 03 Apakah fungsi COSHE di UniMAP?

Fungsi COSHE ialah menjaga keselamatan dan kesihatan UniMAP. COSHE ingin mewujudkan persekitaran kerja dan tempat pendidikan yang selamat untuk staf dan pelajar UniMAP. Antara bahagian yang terdapat di COSHE ialah Pentadbiran dan Pengurusan Pejabat, Keselamatan Kampus dan Tempat Kerja, Keselamatan Kimia dan Latihan Kompetensi, Biologi, Pengurusan Makmal dan Penyelidikan dan Keselamatan Sinaran dan Pengurusan Sisa Berjadual. Setiap bahagian ini berfungsi untuk memastikan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di UniMAP berjalan lancar seperti yang dikehendaki oleh UniMAP.

## 04 Apakah nasihat dan saranan tuan untuk PIMPIN pada masa akan datang di UniMAP?

Sebenarnya dalam organisasi, kita perlulah sentiasa bermotivasi dan tidak hanya selesa pada satu tempat sahaja dan juga perlulah sentiasa membuat penambahbaikan untuk ke arah yang lebih baik.

## 05 Jika diberi peluang menganjurkan aktiviti bersama PIMPIN apakah aktiviti yang ingin dijalankan bersama PIMPIN ?

Pelbagai aktiviti boleh dijalankan bersama yang melibatkan kesihatan dan keselamatan, kepimpinan organisasi dan sebagainya.

## 06 Apakah COSHE mempunyai kata-kata hikmah yang telah memotivasikan COSHE untuk terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang selama ini?

Pada pendapat saya, kita perlulah membuat kerja seperti kita menanam pokok dari anak benih sehingga berbuah. Maksudnya, kita perlulah sentiasa bekerja keras membuat sesuatu kerja dari peringkat awal sehingga menampakkan hasil. Tetapi jangan kecewa jika pokok itu mati, sebaliknya berusaha untuk membuat hasil yang lebih baik.

## 07 Akhir soalan, mohon tuan memberikan nasihat dan kata-kata ilmiah kepada seluruh warga PIMPIN dan UniMAP?

Kita sebagai seorang pekerja, perlulah sentiasa melakukan sesuatu pekerjaan dengan sebaik mungkin. Apa yang kita usahakan bukan untuk kita sahaja, malah untuk kepentingan semua.





# Bagaimana Kerajaan Arab Saudi Memanfaatkan Teknologi Digital dalam Pengurusan Haji dan Umrah di Era Pandemi COVID-19



**Ts. Mohd Fitri Bin Edrosa,**  
fitriedros@unimap.edu.my  
Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital,  
Universiti Malaysia Perlis, 02600 Arau, Perlis.



**Ts. Najdawati Binti Mohd Fadzilb**  
najdawati@unimap.edu.myb  
Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital, Universiti  
Malaysia Perlis, 02600 Arau, Perlis.

## PENDAHULUAN

Landskap kehidupan di seluruh dunia banyak berubah ekoran pandemik COVID-19, daripada perkara harian hingga kepada beribadat seperti solat berjemaah dan seumpamanya. Dalam bulan Zulhijjah terdapat ibadat yang tidak ada di bulan lain, iaitu ibadah haji. Lantaran wabak, masyarakat Islam Malaysia sudah dua tahun tidak dapat menunaikan ibadah haji di Makkah. Sebelum pandemik, lebih kurang tiga juta umat Islam di seluruh dunia berada di Makkah untuk ibadah haji tetapi tahun 2020 hanya 60,000 saja diberi kebenaran. Bilangan tersebut merupakan bilangan yang agak besar dan memerlukan persediaan dan pengurusan yang rapi oleh Pihak Kerajaan Arab Saudi dalam usaha untuk membendung penularan wabak COVID-19 di kalangan jemaah yang berjaya mendapat kebenaran tersebut. Kepesatan era teknologi digital pada masa kini telah dimanfaatkan oleh pihak pemerintah Arab Saudi dalam pengurusan haji dan umrah di era pandemik COVID-19 bermula dari urusan persediaan ibadah haji hingga kepada pelaksanaan ibadah tersebut. Antara teknologi digital yang dimanfaatkan ialah **Teknologi Portal (Unified Portal for External Hajj)** yang membolehkan permohonan dan pembayaran berkaitan haji dilakukan secara atas talian. **Teknologi Aplikasi Mudah Alih** seperti Aplikasi **Tawakkalna** berfungsi sebagai aplikasi untuk merekod, mengesan dan memantau maklumat peribadi berkaitan COVID-19 seseorang Jemaah. Aplikasi **Eatmarna** pula membolehkan Jemaah untuk menempah slot masa tertentu untuk masuk ke dalam Masjidil Haram. Manakala, Aplikasi **Tabaud** merupakan aplikasi penjarakan sosial yang memberi amaran apabila jemaah berada dekat dengan individu yang positif COVID-19. Dengan Aplikasi

**Ershad**, maklumat para Jemaah seperti Maklumat Peribadi, Maklumat Agensi Pelancongan Yang Digunakan dan Maklumat Logistik boleh dicapai dengan mengimbas e-Bracelet yang dipakai. Ia turut berfungsi untuk memberi peringatan tentang kesedaran COVID-19 seperti garis panduan kesihatan dan denda yang dikenakan sekiranya jemaah melanggar peraturan berkaitan COVID-19. **Teknologi Robotik** turut dibangunkan untuk tujuan sanitasi laluan Jemaah haji. Robot turut digunakan untuk mengangkut air zam-zam dari telaga ke Masjidilharam dan ia turut berfungsi untuk menawarkan perundingan perubatan kepada jemaah yang sakit dan sedang menjalani ibadah haji. **Teknologi Dron** dimanfaatkan untuk memantau laluan atau kawasan yang padat dengan jemaah. **Aplikasi Hajj Cards** pula digunakan sebagai identiti digital bagi Jemaah haji. **Teknologi Kad Pintar (The Hajj Smart Card "Shaaer")** pula bertindak sebagai kad akses yang sah untuk ke khemah, pengangkutan, hotel, terminal pembayaran tanpa tunai dan ATM, dan membantu pihak berkuasa mengenal pasti tempat

## External Haj E-Services



sesak di tempat suci di Makkah dan di Madinah. **Teknologi Live Streaming** pula menjadi medium untuk menyebarkan Khutbah Arafah ke serata pelusuk dunia. Artikel ini akan cuba mengupas kesemua teknologi yang dikenalpasti di atas dengan harapan agar ia dapat diambil pengajaran atau dijadikan model pengurusan jemaah haji di waktu pandemik.

### Teknologi Portal: Unified Portal for External Hajj

Portal yang direkabentuk untuk menyediakan paparan yang bersepadu dari pelbagai sumber data. Setiap sumber data mempunyai ruangan masing-masing di dalam portal tersebut dan pengguna boleh mengawal ruangan mana yang hendak dipaparkan.

Portal ini terdiri daripada 5 Modul Utama. Modul-modul ini berturutan dan saling bergantung antara satu dengan yang lain. Lima (5) Modul Utama tersebut ialah seperti berikut:

- Modul Kelayakan: Modul ini akan menyemak keperluan yang ditetapkan dan menyaring individu yang layak sahaja.
- Modul Jaminan: Modul yang menyediakan senarai pemohon yang memenuhi kriteria.
- Modul Kontrak: Modul yang menjana dokumen perjanjian antara individu yang layak dengan pihak kerajaan atau pihak lain yang berkepentingan.
- Modul Pakej Perkhidmatan: Modul yang memaparkan pilihan pakej yang ditawarkan.
- Modul Pengeluaran Visa: Modul yang menjana visa kepada pemohon yang berjaya.

### Teknologi Aplikasi Mudah Alih: Tawakkalna

Tawakkalna merupakan Aplikasi Pengesanan Kontak yang rasmi daripada Kerajaan Arab Saudi. Ia telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Arab Saudi untuk mencegah penyebaran wabak COVID-19, status vaksinasi, status jangkitan semasa dan sejarah jangkitan.



Aplikasi ini menyediakan capaian pantas dan masa nyata berkaitan bilangan jangkitan COVID-19 di seluruh Arab Saudi dan membantu pengesanan awal jangkitan apabila pengguna mempunyai simptom. Ia juga membolehkan warga Arab Saudi untuk memohon kebenaran pergerakan semasa perintah

berkurang. Keputusan kepada permohonan kebenaran pergerakan turut dipaparkan. Ia juga akan memberitahu pengguna apabila mereka berada berdekatan kawasan yang mempunyai kadar jangkitan yang tinggi.


### Teknologi Aplikasi Mudah Alih: Eatmarna



Aplikasi Eatmarna telah dilancarkan oleh Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi untuk permohonan kebenaran memasuki dua (2) Masjid Haramain. Ia bertujuan untuk menyelaraskan pelaksanaan ibadah haji, umrah dan ziarah. Ia akan diberi berdasarkan kapasiti yang diluluskan oleh pihak berkuasa untuk memastikan suasana selamat dan mencapai tahap kesihatan yang baik. Aplikasi ini juga diintegrasikan dengan aplikasi Tawakkalna. Kebenaran akan diberikan berdasarkan tahap kesihatan pemohon.

### Teknologi Aplikasi Mudah Alih: Tabaud

Aplikasi Tabaud merupakan aplikasi penjarakan sosial yang memberi amaran apabila jemaah berada dekat dengan individu yang positif COVID-19. Aplikasi Tabaud untuk telefon pintar adalah salah satu usaha pemerintah terbaru di Arab Saudi untuk memerangi dan membendung penularan wabak COVID-19.



Aplikasi ini dibangunkan oleh National Information Center (NIC) dari Saudi Data and Artificial Intelligence Authority (SDAIA), dengan kerjasama Kementerian


Kesihatan Arab Saudi sebagai aplikasi penelusuran kontak rasmi di Arab Saudi.

Aplikasi ini menyediakan 3 perkhidmatan utama untuk pengguna. Pertama, ia akan memberitahu pengguna jika mereka bersentuhan dengan pengguna lain yang disahkan dijangkiti COVID-19. Kedua, ia akan memberikan bantuan kepada pengguna dengan menghantar borang kesihatan pengguna ke Kementerian Kesihatan Arab Saudi untuk memberi sokongan perubatan yang diperlukan dan sesuai dengan status kemajuan

kes. Selain itu, ia membolehkan pengguna yang disahkan dijangkiti COVID-19 untuk berkongsi hasil ujian mereka secara sukarela dengan orang yang mereka hubungi selama 14 hari terakhir.

Tabaud menghormati privasi pengguna sepenuhnya. Penggunaan aplikasi tidak memerlukan maklumat atau perkongsian lokasi, kerana bergantung pada teknologi *Bluetooth* untuk mengumpulkan dan memuatnaik semula ID secara rawak. Sekiranya pengguna ingin memulakan prosedur perubatan pengujian COVID-19, peraturan Kementerian Kesihatan Arab Saudi mewajibkan perkongsian maklumat utama seperti nama, nombor ID kebangsaan, alamat kediaman dan tarikh lahir.

### Teknologi Aplikasi Mudah Alih: Ershad



Aplikasi Ershad berfungsi untuk membantu Agensi Pengurusan Haji & Umrah dalam mengenalpasti dan menjejaki jemaah haji antarabangsa & tempatan yang sedang melaksanakan ibadah haji pada tahun semasa. Dengan hanya menggunakan Aplikasi Android, Agensi Pengurusan Haji & Umrah hanya perlu mengimbas e-Bracelet yang dipakai oleh jemaah haji untuk mendapatkan 'Maklumat Peribadi', 'Maklumat Penyedia Perkhidmatan Haji', dan 'Maklumat Logistik'. Aplikasi ini bertujuan untuk membantu perwakilan

Agensi Pengurusan Haji & Umrah untuk memberikan bantuan kepada jemaah haji agar ibadat haji dapat dilaksanakan dengan sempurna. Ia juga untuk memastikan jemaah haji mendapat perkhidmatan yang terbaik sesuai dengan apa yang telah dijanjikan oleh Agensi Pengurusan Haji & Umrah.

### Teknologi Robotik

Teknologi Robotik adalah teknologi mesin yang membantu dan menggantikan tindakan manusia. Sejumlah inovasi berkaitan teknologi robotik terutama di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi telah diperkenalkan oleh Kerajaan Arab Saudi untuk menjaga keselamatan jemaah haji. Kerajaan Arab Saudi telah menggunakan teknologi robotik serta penggunaan teknologi AI atau kecerdasan buatan di Masjidil Haram sebagai tindakan pencegahan penularan COVID-19 semasa pengurusan musim Haji 2021. Sebanyak 10 buah robot telah disediakan dan berfungsi untuk melayani para jemaah dalam urusan pengedaran air Zam Zam dan pengurusan sanitasi di kawasan ibadat bertempat di kedua-dua Masjid Suci iaitu Masjidil Haram

dan Masjid Nabawi. Robot-robot tersebut ditugaskan untuk membantu pekerja pembersihan menjalankan proses sanitasi di sembilan menara, seluas 356.000 meter persegi.

- **Robot Sanitasi :**

Pengurusan sanitasi kawasan-kawasan ibadat dilakukan oleh robot berdasarkan fungsi peta yang diprogramkan kepada robot untuk melaksanakan urusan sanitasi pada semua kawasan melalui jalur khusus untuk masuk ke halaman Mataf, Masa'a dan semua kemudahan yang terdapat di Masjidil Haram yang mempunyai jejak jemaah haji.



Robot Sanitasi menggunakan sistem kawalan yang telah diprogram untuk melakukan kerja-kerja sanitasi berdasarkan peta enam tingkat yang dipasang dengan penyemburan menggunakan bahan sanitasi yang dicampur dengan air mawar pada skala 1,5 meter. Sejumlah robot telah ditempatkan di kawasan seluas 600 meter dari halaman Masjidil Haram. Robot tersebut memiliki alat sanitasi yang menampung lebih dari 23,8 liter, dengan kadar penggunaan 2 liter per jam. Robot Sanitasi tersebut mampu bekerja selama lima hingga lapan jam tanpa campur tangan manusia.

- **Robot Pengedaran Air Zam-zam :**

Dengan bantuan robot, pengedaran air zam zam tanpa kontak secara fizikal di antara jemaah haji berjaya membantu mengekang penyebaran wabak COVID-19 semasa berlangsungnya amalan ibadat haji di Tanah Suci.



penempatan botol agar memudahkan jemaah mengambil sendiri tanpa perlu bersusah payah untuk beratur. Robot akan mengelilingi kawasan yang telah diprogramkan selama 10 minit dan mengedarkan sebanyak 30 botol air zamzam pada satu-satu masa. Seperti robot sanitasi, robot ini juga dapat bekerja selama 8 jam tanpa campur tangan manusia.

• **Robot Doktor / Robot Perundingan :**

Kerajaan Arab Saudi telah memperkenalkan satu lagi teknologi robotik yang menggunakan teknologi 4G pada robot yang menawarkan perundingan perubatan antara doktor pakar di hospital di Riyadh dan Jeddah dengan jemaah yang sakit dan sedang menjalani ibadah haji yang ditempatkan di pusat kesihatan serta klinik bergerak di Mina, Muzdalifah dan Arafah. Teknologi robot doktor ini adalah teknologi perundingan jarak jauh yang dapat membantu para doktor pakar merawat jemaah yang sakit dengan segera tanpa perlu bergerak ke kawasan ibadah haji yang kebiasaannya sesak ketika musim haji.



Dengan teknologi ini, pihak berkuasa haji dapat memindahkan robot di antara satu khemah dengan khemah yang lain serta melayani dan merawat jemaah haji yang kekal di tempat penginapan mereka semasa di Masyair. Secara tidak langsung, teknologi yang digunakan ini dapat meningkatkan perkhidmatan kesihatan ketika berlangsungnya musim haji. Selain itu, teknologi perundingan robot ini juga sangat berguna di hospital yang kurang tenaga pakar perubatan ketika waktu puncak berlangsungnya ibadah haji.

**Teknologi Dron**

Teknologi dron yang juga dikenali sebagai kenderaan udara tanpa pemandu atau UAV, pada dasarnya adalah robot terbang yang dapat dikendalikan dari jarak jauh dan memiliki teknologi untuk terbang sendiri menggunakan rancangan penerbangan yang dikendalikan oleh perisian yang disertakan dalam sistem dron tersebut. Teknologi dron adalah teknologi yang semakin berkembang kerana mempunyai pelbagai kegunaan



yang sangat penting kepada industri. Bagi memudahkan pengurusan ibadah haji di era pandemik, Kerajaan Arab Saudi telah mengambil inisiatif dengan bermodalkan berbilion dolar untuk meningkatkan dan memperluas infrastruktur haji dengan teknologi kawalan orang ramai menggunakan teknologi dron. Kementerian Haji Arab Saudi telah mengumumkan jadual yang ketat untuk diikuti oleh jemaah haji dari pelbagai negara ketika pergi dan kembali ke tempat penginapan mereka.

Berdasarkan jadual pergerakan jemaah haji ini, Kerajaan Arab Saudi di bawah pihak berkuasa Arab Saudi telah mengambil inisiatif menggunakan teknologi dron untuk memantau pergerakan jemaah haji sepanjang berlangsungnya operasi masyair terutamanya pengawasan di kawasan Jabal Rahmah ketika jemaah haji mendaki Gunung Arafah di kemuncak hari Arafah. Pihak berkuasa Kerajaan Arab Saudi telah mengerahkan dron untuk memperkuat jaringan pengawasan elektronik jemaah haji di mana dron akan memantau dan memberi maklumbalas kepada pihak berkuasa untuk campur tangan dengan pantas jika berlakunya kejadian atau kecelakaan di tempat yang diawasi oleh dron tersebut.

**Aplikasi Hajj Cards**

Aplikasi *Hajj Cards Shaaer* adalah aplikasi haji rasmi yang dilancarkan oleh Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi. Ia bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan ibadat haji dan umrah dalam suasana selamat berikutan kawalan kesihatan dan peraturan serta prosedur pencegahan pandemik COVID-19.

Aplikasi ini berfungsi sebagai identiti digital bagi jemaah. Aplikasi ini mengandungi maklumat peribadi, kesihatan dan penginapan. Melalui



aplikasi ini, jemaah dapat mencatat maklumat kesihatan serta menyemak jadual kesihatan mereka selain memperoleh pengetahuan tentang program haji yang bakal dilaksanakan pada aplikasi ini. Fungsi lain yang terdapat pada aplikasi ini ialah jemaah dapat mengetahui lokasi perhimpunan dan waktu berlepas dari penginapan mereka di Tanah Suci. Melalui aplikasi ini juga, jemaah boleh memilih makanan melalui menu yang diperuntukkan selain dapat menilai perkhidmatan yang diberikan melalui penilaian tahap kepuasan pengguna bagi meningkatkan perkhidmatan teknikal dan penyelesaian digital kementerian. Selain kegunaan jemaah haji, aplikasi ini juga berperanan untuk membantu Kementerian Haji dan Umrah mengurangkan haji yang dilakukan secara haram iaitu tanpa kelulusan dari Kementerian Haji dan Umrah. Dengan memperkenalkan aplikasi *Hajj Card* ini membuktikan bahawa Kerajaan Arab Saudi sentiasa berusaha untuk melayani jemaah haji pada musim haji dengan melancarkan dan melengkapkan sistem teknikal haji melalui penambahbaikan berterusan di samping memberikan perkhidmatan terbaik pada musim haji kali ini.

#### Teknologi Kad Pintar (*The Smart Hajj Card "Shaaer"*)

Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi melancarkan platform haji dan kad pintar baru untuk menghubungkan operasi dan perkhidmatan di semua sektor di bawah kementerian itu serta bertujuan untuk meningkatkan perkhidmatan digital dan memudahkan perjalanan jemaah ketika melakukan ibadah haji. Kad Pintar yang baru diperkenalkan dikenali sebagai *Smart Hajj Card* di mana teknologinya sangat sesuai dengan standard teknikal dan keselamatan. *Smart Hajj Card* beroperasi melalui komunikasi jarak dekat (NFC), yang merupakan teknologi sambungan tanpa wayar jarak jauh yang membolehkan peranti berkemampuan NFC berkomunikasi antara satu sama lain. Ia juga membolehkan kad dibaca melalui peranti layan diri di Kios yang ditempatkan di Tanah Suci. Teknologi Kad Pintar bertindak sebagai kad akses yang sah untuk ke khemah, pengangkutan, hotel, terminal pembayaran tanpa tunai dan ATM. Ia juga dapat membantu pihak berkuasa mengenal pasti tempat sesak di tempat suci di Makkah dan di Madinah. Setiap kad mengandungi kod QR unik yang dihubungkan dengan maklumat perubatan jemaah.

Berikut disenaraikan ciri-ciri istimewa yang terdapat pada *Smart Hajj Card*:

- i. Memaparkan Maklumat Jemaah Haji Dengan Tepat - Kad Pintar yang selamat merangkumi maklumat peribadi, perubatan dan penginapan jemaah haji yang dihubungkan dengan Aplikasi *Hajj Card* iaitu *Shaaer Apps*.

- ii. Kad yang Bertindakbalas dengan Pantas - Ia boleh digunakan untuk memuat-turun aplikasi *Hajj Card (Shaaer)*
- iii. Pengenalan Kod Bar- Petugas haji boleh mengimbas barkod untuk mengesahkan maklumat jemaah haji dengan mudah.
- iv. Pengenalan Penginapan Jemaah - Setiap kad mempunyai kod warna iaitu hijau, merah, kuning dan biru yang dapat menghubungkan jemaah dengan penginapan mereka di Tanah Suci.

Berikut adalah fungsi lain yang terdapat pada *Smart Hajj Card*

- Ia boleh mengakses pintu pagar pintar yang terdapat di kawasan Masjidil Haram dan Masjid Nabawi.
- Ia membolehkan jemaah mengimbas kad mereka melalui peranti layan diri yang disediakan di Tanah Suci.
- Ia berfungsi untuk membimbing jemaah haji berulang-alik dari tempat suci ke penginapan masing-masing serta mengawal akses keluar masuk jemaah haji ke pelbagai kemudahan lain yang disediakan.
- Ia boleh dihubungkan dengan Aplikasi *Hajj Card Shaaer* yang membolehkan jemaah mendapat dan menilai perkhidmatan yang ditawarkan kepada jemaah haji.
- Ia boleh digunakan pada pelbagai jenis pengangkutan awam di Tanah Suci.



Kad ini dianggap sebagai salah satu hasil inisiatif Visi 2030 dan pelaksanaan inisiatif tersebut terbukti menjadi model yang berhasil untuk penerapan teknologi dalam melayani para jemaah. Ia diaktifkan sepenuhnya pada musim haji tahun 2021 di mana kad ini pernah digunakan semasa musim haji 2019 secara eksperimental, dengan pengedaran 50,000 kad di antara jemaah. Kad pintar ini diuruskan secara berpusat untuk mengawal semua perkhidmatan dan merupakan inisiatif penting Kerajaan Arab Saudi dalam memberikan perkhidmatan terbaik pada musim haji.

## Teknologi *Live Streaming*

Teknologi *Live Streaming* merujuk kepada konsep penstriman kandungan video digital melalui internet. Melalui teknologi *Live Streaming*, seseorang boleh menonton, mencipta dan berkongsi kandungan video dalam talian. Ia memerlukan sambungan internet, telefon pintar, atau PC untuk membolehkan aktiviti ini bersiaran langsung pada peranti elektronik. Teknologi *Live Streaming* telah menjadi teknologi moden ke arah pendigitalan dalam komuniti khususnya kepada Kerajaan Arab Saudi untuk penganjuran acara terbesar umat Islam setiap tahun iaitu ibadat wukuf di Arafah yang pada dasarnya mengumpulkan sejumlah umat Islam di seluruh dunia demi menyahut syiar Islam di musim pandemik ini. Dengan menggunakan teknologi *Live Streaming*, umat Islam yang wukuf di Arafah serta di seluruh dunia dapat sama-sama menghayati khutbah Arafah 2021 yang disiarkan secara langsung melalui *Arafat Day Live Stream* - [manaratalharamain.gov.sa](http://manaratalharamain.gov.sa) dengan terjemahan 10 bahasa iaitu Bahasa Inggeris, Perancis, Melayu, Indonesia dan lain-lain lagi. Projek terjemahan secara langsung ini dilakukan dari lokasi Masjid Namira yang berada di Padang Arafah. Ia merupakan lokasi para jemaah berkumpul untuk menunaikan ibadah haji. Dengan memperkenalkan teknologi *Live Streaming* untuk Khutbah Arafah ini secara tidak langsung dapat mengelak kesesakan di lokasi Masjid Namira dan seterusnya memenuhi penjarakan sosial yang sangat dianjurkan semasa musim pandemik ini.

## PENUTUP

Perubahan dalam pengurusan haji dan pelaksanaan ibadah haji yang berlaku pada tahun 2021 di kala dunia masih berhadapan dengan masalah pandemik COVID-19 bukan hanya mengagumkan, tetapi sukar dipercayai. Sumbangan teknologi menjadi ketara dalam konteks haji, di mana mesin menggantikan manusia dan melaksanakan hampir segala-galanya daripada memantau kualiti alam sekitar di tempat suci di Mekah dan Madinah dengan menjaga kesihatan dan pergerakan jemaah dan membimbing mereka ke tempat yang betul pada masa yang tepat adalah bertujuan memastikan kesejahteraan dan kemudahan pada musim haji 2021. Kerajaan Arab Saudi melalui Kementerian Haji dan Umrah telah berjaya membuktikan bahawa perjalanan rohani yang dibantu dengan kemajuan teknologi moden telah dipermudahkan dan berjalan dengan lancar di samping menjadikan perjalanan haji di musim pandemik COVID-19 semakin selesa dan selamat.





## Mendalami istilah **MONKEY SEE, MONKEY DO**



**Dr. Anas bin Abdul Rahman**  
Pensyarah Kanan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Mekanikal, Universiti Malaysia Perlis,  
02600 Pauh Putra, Perlis, Malaysia  
anasrahman@unimap.edu.my



**Dr Noradina binti Nordin**  
Pegawai Perubatan, Pusat Kesihatan Universiti,  
Universiti Malaysia Perlis,  
02600 Pauh Putra, Perlis, Malaysia  
noradina@unimap.edu.my

*“Harta dan anak-anak adalah  
perhiasan kehidupan dunia tetapi amal  
kebajikan yang terus-menerus adalah lebih  
baik pahalanya di sisi Tuhanmu serta lebih  
baik untuk menjadi harapan.”  
(Surah al-Kahfi: 46)*

Bagi pasangan yang sudah berumah tangga, keinginan untuk mendapatkan cahaya mata sebagai penyeri dan pelengkap kehidupan adalah lumrah manusia. Ada yang perlu menunggu lama, dan ada juga yang rezekinya Allah percepatkan. Apapun, sebagai manusia, kita hanya dapat merancang perjalanan kehidupan ini, namun Allah Maha Kuasa yang menentukan segalanya. Kegirangan menimang cahaya mata yang baru dilahirkan tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata, hanya kalimah “syukur, Alhamdulillah” mampu dituturkan ketika titisan air mata jantan ini gugur perlahan-lahan.

Bukan sekadar tangisan anak kita itu dilayan penuh manja, sebarang aksi yang dilakukan oleh si kecil itu akan ditatap, dirakam dan dikongsi di media sosial. Dah namanya generasi celik IT, sudah selesai dimuat naik gambar si kecil kita itu di laman sosial, barulah hendak dikongsi dengan ibu bapa dan sanak saudara di kampung! Kehadiran si kecil ini ke dalam kehidupan kita merupakan kurnian Allah yang sangat tinggi nilainya, dan memberi satu motivasi yang sangat besar pada ibu bapa untuk menjadi insan yang lebih baik. Ini dapat diterjemahkan dalam kehidupan seharian kita dimana sebagai ibu bapa yang berkerjaya, kita akan bekerja dengan lebih keras bagi mencari rezeki untuk keluarga, lebih tenang dalam membuat keputusan, serta mendekati ilmu agama bagi mendidik anak kecil kita. Ini

semua dilakukan secara tidak sedar dalam usaha kita untuk memberikan yang terbaik kepada anak kita, tidak hanya daripada segi harta benda dan ilmu duniawi, tapi juga yang pentingnya didikan ukhrawi.

*Rasulullah SAW bersabda: “Anak itu ibarat seperti kain putih, ibu bapalah yang akan mencorakkannya menjadi Nasrani, Yahudi ataupun Majusi.” (Riwayat Bukhari dan Muslim)*

Ungkapan ini kerap kali diucapkan pada pasangan yang baru menerima kehadiran cahaya mata dalam keluarga mereka. Bagi penulis, hadis ini hanya benar-benar dihayati, dihargai dan dirasai ketika anak penulis berusia dalam 2 tahun di mana ketika penulis mengeluarkan pakaian yang baru dibasuh daripada mesin, secara tiba-tiba, dengan senyuman terukir di bibir, anak penulis datang untuk membantu. Setelah itu, terus disambung membantu penulis menjemur pakaian di penyidai. Alhamdulillah sehingga ke hari ini, anak penulis yang sudah hampir berusia 4 tahun akan offer untuk membantu penulis setiap kali bakul baju diangkat untuk cucian, sehinggalah siap disidai. Untungnya adalah isteri penulis, tersenyum simpul apabila melihat gelagat suami dan anak membantu melakukan kerja-kerja rumah.

Selain daripada pengalaman ini, terdapat satu lagi peristiwa bersama anak kecil ini yang membuatkan penulis benar-benar menghargai hadis di atas. Sebagai manusia biasa, penulis akui senang terasa geram dengan gelagat pemandu motosikal di kawasan kediaman dan atas jalan raya. Sudahlah tidak memakai topi keledar, kemudian memandu secara menonong dan tidak menghiraukan pemandu lain. Jadi, apabila penulis dan isteri memandu di atas jalan raya dan terasa geram dan jengkel dengan cara pemanduan yang tidak berhemah oleh sesetengah pihak, daripada menuturkan perkataan yang ingin diucapkan



secara lisan, kami memilih untuk mengeja sesetengah perkataan. Ini dilakukan bagi melindungi anak kecil kami daripada mendengar dan mengulangi perkataan yang dibicarakan yang pada pendapat kami tidak sesuai untuk anak kecil. Namun yang mengejutkan kami, selang beberapa minggu, apabila kami mengutarakan ejaan yang sama ketika memandu, anak kecil kami turut mengulangi ejaan tersebut – kata demi kata!

Inilah yang paling dirisaukan oleh penulis dan isteri sebagai ibu bapa – apabila anak kecil mengikut dan meniru percakapan dan perbuatan kita tanpa memahami dengan jelas maksud dan tindakan tersebut. “*Monkey see, monkey do*” – peribahasa Inggeris ini secara tepat menyimpulkan pengalaman penulis, di mana anak kecil ini amat mudah untuk terpengaruh dengan tingkah laku kita. Maka sebab itulah kita sebagai ibu bapa perlu memainkan peranan yang besar dalam mencorakkan keperibadian dan sahsiah generasi mendatang. Janganlah kita mengkritik generasi muda di masa hadapan, sedangkan kita lupa siapa yang berperanan dalam membesarkan mereka.



Jadi, di dalam artikel ini, penulis ingin menyoroti beberapa senario di mana kita sebagai ibu bapa mungkin terlupa bahawa perbuatan dan pertuturan kita sentiasa diamati dan diikuti oleh anak kecil yang melihat kita sebagai idola mereka.

1. Di mukim kediaman penulis ini, bagi mengelakkan terpaksa memandu jauh untuk membuat pusingan U, banyak pemandu kereta dan motosikal memilih untuk menongkah arus di bahu jalan. Ini adalah perkara “biasa” dilihat di kawasan penulis tidak kira pagi mahupun petang. Hanya untuk menjimatkan sedikit minyak kenderaan serta masa, sesetengah pemandu memilih untuk membahayakan nyawa mereka dan penumpang. Ditambah pula masih ramai ibu bapa yang tidak menggunakan kerusi keselamatan kanak-kanak, mereka ini boleh dikategorikan sebagai ibu bapa yang mengabaikan tanggungjawab dalam melindungi anak masing-masing. Namun, bagi penulis, yang lebih menyedihkan dan merisaukan adalah teladan yang ditunjukkan kepada anak kita. Jika daripada kecil anak kita sudah

melihat cara pemanduan yang tidak berhemah dan berbahaya, besar kemungkinan mereka juga akan menjadi pemandu yang serupa dengan ibu bapa mereka yang menganggap perkara itu adalah tidak salah di sisi undang-undang. Ingatlah pepatah Melayu – “bagaimana acuan, begitulah kuihnya”.

2. Penulis pasti kita semua pernah mengalami situasi di mana ketika sedang memandu di jalan raya, secara tiba-tiba kita ternampak pemandu ataupun penumpang kenderaan di hadapan membuang sampah melalui tingkap kenderaan mereka. Tidak kira jenis kenderaan yang dipandu, samada mewah ataupun biasa, perbuatan ini merupakan tabiat dan sikap rakyat Malaysia yang berterusan berlaku sejak sekian lama, dan menunjukkan keperibadian seseorang itu. Tahukah kita bahawa denda RM2,000 atau penjara maksimum enam bulan boleh dikenakan kepada pengguna jalan raya yang didapati membuang sampah daripada kenderaan (Bernama, 2021)? Inilah mentaliti sebahagian rakyat yang kononnya mempunyai pendidikan dan bertamadun, namun kurangnya kesedaran sivik dalam diri mereka. Jika anak kecil yang berada di dalam kereta bertanya pada kita “Ayah, kenapa ayah buang sampah di luar kereta macam tu?”, agak-agaknya, apakah jawapan mahupun alasan yang hendak diberikan?

3. Jika kita ke kedai makan (sebelum zaman COVID-19), adalah menjadi kebiasaan untuk penulis melihat si ayah memegang telefon bimbit di meja makan, manakala si ibu pula sibuk menjaga anak yang mahukan perhatian. Namun, *trend* terkini adalah dimana seluruh keluarga memegang samada telefon bimbit ataupun gajet, daripada anak kecil hinggalah kepada ibu bapa. Senyap dan sunyi sepi meja makan mereka disebabkan begitu kusyuk melihat skrin peranti digital masing-masing. Bukan niat penulis untuk menilai keluarga yang memberikan peranti mudah alih pada anak mereka, bahkan penulis sendiri pernah memberikan telefon bimbit pada anak sendiri di kedai makan di kala kepenatan selepas pulang dari pejabat. Namun, ianya cukup jarang-jarang sekali berlaku, dan boleh dikategorikan sebagai kes terpercil.



Bagi penulis, masa makan bersama keluarga ini adalah masa keramat yang berharga untuk bersembang bersama isteri dan anak. Penulis dan isteri menggunakan masa ini untuk mengajar anak kami berkenaan adab makan, melihat persekitaran café dan perkara-perkara lain yang dapat membangkitkan perasaan ingin tahu dalam diri anak kecil kami. Daripada kita memberikan peranti mudah alih pada anak-anak kita sementara menunggu ketibaan makanan yang dipesan, bukankah lebih baik jika anak kita ini diberikan sehelai kertas ataupun buku aktiviti bersama pensil untuk memupuk daya kreativiti dan budaya membaca daripada kecil?

4. Apabila kerajaan Malaysia mewartakan tempat awam di seluruh negara sebagai kawasan larangan merokok berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019, penulis amat bersyukur dan sangat gembira. Akhirnya, hak kebanyakan rakyat untuk menghirup udara segar di restorani dan tempat-tempat awam terbela jua. Tak perlulah lagi penulis mengubah lokasi meja makan setiap kali ada si perokok yang datang duduk bersebelahan meja kami sekeluarga di gerai. Namun, setelah hampir 2 tahun, penulis dan jutaan rakyat yang tidak merokok merasa pilu dan sangat hampa. Dengan penguatkuasaan undang-undang yang lemah dan tidak berterusan, dan ditambah pula sikap sesetengah pengusaha restoran yang sudah tidak ambil peduli tentang larangan ini sedangkan papan tanda "**DILARANG MEROKOK**" secara jelas digantung di setiap ruangan kedai, keadaan nampaknya telah kembali seperti dahulu kala pra-2019.



Selari dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia: Muzakarah kali ke-37 pada 23 Mac 1995, SS Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri dalam penulisan beliau di laman sesawang rasmi Mufti Wilayah Persekutuan dengan secara terperinci telah mengulas mengapa tabiat merokok itu haram mengikut pandangan Islam. Namun, sepertimana semua sedia maklum, adalah cukup sukar bagi umat Islam untuk berhenti daripada tabiat yang buruk ini. Bagi penulis, yang lebih memburukkan keadaan adalah apabila ada segelintir ayah yang amat tidak bertanggungjawab



apabila merokok di dalam kereta ketika memandu, sedangkan anak-anak berada bersama di dalam kenderaan. Bahkan, ketika ini, sudah menjadi perkara biasa melihat orang menghisap rokok di kedai makan, walaupun ada bayi dan anak kecil yang duduk semeja dengan mereka! Menurut laman sesawang *Centers for Disease Control and Prevention* (CDC), asap rokok menyebabkan banyak masalah kesihatan pada bayi dan kanak-kanak, termasuk serangan asma yang lebih kerap dan teruk, jangkitan pernafasan, jangkitan telinga, dan sindrom kematian bayi secara tiba-tiba (CDC, 2020). Di mana akal dan hati perut mereka sebagai manusia yang diamanahkan oleh Allah untuk melindungi zuriat masing-masing daripada sebarang bala dan keburukan?

Persoalannya, mengapa perbuatan ini masih berlaku? Bagaimana kitaran ini dapat dihentikan apabila si ayah sendiri tidak menunjukkan teladan yang baik. Sudahlah tidak mematuhi undang-undang dengan merokok di tempat awam, malah jika ada bayi mahupun anak-anak kecil di sekeliling mereka, sedikit pun tidak diendahkan. Jika anak-anak melihat ayah mereka berperangai seperti ini daripada kecil, maka besar kemungkinan tabiat yang sama akan diulangi apabila mereka dewasa kelak. Seperti peribahasa Melayu - "ke mana tumpahnya kuah, kalau tidak ke nasi". Maka sebab itulah pentingnya untuk ibu bapa menjaga tingkah laku dan kelakuan mereka di hadapan anak-anak supaya dapat memberikan teladan yang terbaik.

5. Seiring dengan kemajuan teknologi, kebanyakan anak-anak kita yang tergolong dalam generasi Z ini memang celik IT, dan sudah terdedah dengan penggunaan peranti mudah alih dari usia yang muda. Penulis sendiri kagum melihat kanak-kanak seawal usia 2 tahun sudah dapat mengendalikan dan tahu menggunakan peranti seperti iPad. Kajian oleh *Malaysian Communications and Multimedia Commission* (MCMC) mendapati bahawa pada tahun 2020, bilangan kanak-kanak berumur 5 hingga 17 tahun yang menggunakan Internet telah meningkat sebanyak 155% daripada tahun 2016 (MCMC, 2021). Kajian ini juga menyimpulkan bahawa 56.3% kanak-kanak yang mempunyai akses Internet memiliki peranti sendiri.

Namun, pendedahan kepada teknologi yang tidak terkawal boleh membawa kesan negatif kepada perkembangan fizikal dan mental kanak-kanak, selain mampu mempengaruhi kemahiran komunikasi mereka apabila menggunakan gajet secara berlebihan. Bagi penulis, yang lebih merisaukan adalah penggunaan gajet tanpa pengawasan ibu bapa, di mana kanak-kanak sangat mudah terdedah kepada pelbagai jenis kandungan yang tidak sihat khususnya pornografi yang semakin berleluasa dan mudah didapati dalam internet. Selain itu, dengan kemudahan aplikasi *live streaming* yang boleh diaktifkan dengan mudah di telefon bimbit, membuatkan kita sebagai ibu bapa perlu sentiasa lebih berwaspada. Baru-baru ini, tular di berita tentang seorang kanak-kanak yang secara tidak sengaja menyiarkan video secara langsung di Instagram ketika ibunya sedang mandi (Raju, S. T, 2021). Cuba bayangkan jika kita berada dalam situasi ini. Jadi berwaspadalah wahai ibu bapa semua dengan penggunaan gajet di rumah.

Pada penulis, ketika di rumah, elakkanlah daripada menghabiskan masa menghadap skrin peranti mudah alih kita sepanjang masa, supaya anak tidak terasa diabaikan. Apabila anak kecil ini terasa diri tidak dipedulikan, maka mulalah mereka buat perangai untuk mendapatkan perhatian. Apabila kita sendiri kepenatan setelah seharian mencari rezeki, jadi cara termudah adalah dengan memberi peranti mudah alih pada anak kita. Maka kitaran ini tidak akan berakhir selagi kita sebagai ibu bapa tidak "kuat" dalam mengawal penggunaan gajet di kalangan anak kita ketika di rumah mahupun ketika di luar.

Akhir kalam, untuk membentuk sahsiah dan keperibadian generasi hadapan yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang, ianya bermula daripada diri kita sebagai ibu bapa. Jika kita sendiri gagal memberikan teladan yang baik kepada anak kecil kita, maka janganlah berharap untuk anak kita dan generasi masa hadapan menjadi lebih baik daripada kini. Ingatlah - "Monkey see, monkey do". Kita buat, mereka ikut. Wallahualam.

***“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (Amanah) Allah dan Rasul-(Nya) dan janganlah kalian mengkhianati amanah-amanah kamu, sedangkan kalian mengetahuinya. Dan ketahuilah bahawa harta-benda kamu dan anak-anak kamu adalah ujian (bagi kamu), dan sesungguhnya di sisi Allahlah pahala yang besar.”***  
(Surah al-Anfal: 27-28).



# DOA SEORANG AYAH



Rashidah Hj. Che Yob  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik (FTKEN)  
rashidahcheyob@unimap.edu.my

## PENDAHULUAN

Doa adalah permohonan ataupun permintaan manusia kepada TuhanNya. Seringkali doa akan dilakukan oleh seorang muslim apabila selesai solat lima waktu. Namun, doa boleh dilakukan pada bila-bila masa dan dimana-mana sahaja mengikut keperluan seseorang tersebut. ALLAH SWT sangat suka kepada mereka yang berdoa. Doa merangkumi segala bentuk permohonan mahupun permintaan yang dituturkan dengan baik, penuh adab, serta meletakkan harapan yang sepenuhnya kepada ALLAH SWT. ALLAH SWT amat gemar sekiranya makhlukNya sering memintaminta kepadaNya. Bahkan, ALLAH SWT tidak pernah jemu untuk mendengar permohonan doa daripada hamba-Nya. Malahan, setiap doa yang diminta pasti akan dimakbulkan olehNya tepat pada waktu yang sesuai. Perkara ini ada dijelaskan di dalam Al-Quran, Surah al-Baqarah, ayat 186:

*“Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka: Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu.”*

Hal ini sangat bertentangan dengan sikap manusia. Sekiranya kita sering dan kerap kali memintaminta kepada manusia, pastinya akan timbul pelbagai perspeksi serta turut mewujudkan rasa kurang senang individu tersebut terhadap kita. Malahan, ianya juga akan turut menjadi buah mulut, walhal individu yang membicarakan hal tersebut tidak mengetahui keseluruhan perkara yang berlaku dengan sebaiknya. Berdoalah kepada ALLAH SWT, walaupun untuk sekecil-kecil mahupun seremeh-remeh perkara. Hanya kepada ALLAH SWT sebaiknya tempat untuk kita memintaminta dan merintah di atas segala hal yang terjadi mahupun dihajati untuk diperolehi.

## DOA MUSTAJAB

Semua diantara kita tahu dan yakin bahawa doa yang mustajab adalah doa daripada kedua ibu bapa, iaitu mak ayah kita. Malahan ianya juga sering bermain dibibir kita bahawa doa mustajab, iaitu doa yang terbaik untuk kita adalah daripada mak ayah tercinta. Pastinya, setiap mak ayah akan sentiasa doakan yang terbaik buat setiap anak mereka. Malahan, kejayaan yang dikecapi oleh kita pada hari ini, adalah berkat doa mustajab daripada mak ayah kita yang tidak pernah putus-putus untuk melihat anak mereka gembira dan berjaya. Tanpa mereka, kita tidak akan pernah ada di kehidupan dunia yang fana ini. Malahan, kejayaan yang diperolehi dan dikecapi oleh kita pada hari ini tidak akan pernah berlaku tanpa doa mak ayah tercinta. Umpama pepatah, “Aku tidak hebat tanpa doa ibu bapaku yang hebat”. Oleh itu, janganlah pernah timbul walau sebesar zarah pun di dalam ruang hati dan perasaan kita untuk sombong dan hilang hormat pada mak ayah kita. Hargai dan berbaktilah kepada mereka, selagi mereka masih dipanjangkan usia untuk menikmati kehidupan di dunia ini. Apabila mereka telah dijemput untuk kembali ke alam abadi oleh ALLAH SWT, maka hilanglah salah satu saluran doa mustajab untuk kita.

Kita semua juga sedia maklum bahawa doa seorang ibu ataupun mak tidak dapat disangkal lagi mustajabnya. Malahan, doa seorang mak lebih kuat daripada



doa seorang ayah disebabkan oleh kedudukan seorang mak yang sangat mulia di sisi ALLAH SWT. Keutamaan seorang mak berbanding ayah juga ada disebutkan di dalam Riwayat al-Bukhari bahawa apabila seorang lelaki yang datang kepada Nabi Muhammad SAW dan bertanya: “Wahai Rasullullah, siapakah yang lebih berhak untuk saya berbuat baik?”. Baginda menjawab: “Ibumu”. Dia berkata: “Kemudian siapa?”. Dengan jawapan yang

sama, Baginda menjawab: "Ibumu". "Kemudian siapa?", lelaki itu bertanya untuk kali ketiga. "Ibumu", jawapan yang sama masih diberikan oleh Baginda seperti sebelumnya. Kemudian siapa?", lelaki itu masih bertanya dengan pertanyaan yang serupa. Akhirnya, barulah Baginda Nabi Muhammad SAW menjawab: "Kemudian bapamu". Hal ini telah menunjukkan bahawa keutaaman seorang ibu adalah melebihi seorang ayah. Ini disebabkan oleh kepayahan dan keperitan seorang ibu yang mengandungkan, melahirkan, dan menyusukan anak-anaknya. Namun, doa seorang ayah terhadap anak-anaknya juga seharusnya tidak dipandang enteng. Kasih seorang ayah buat anak-anaknya, yang mana mungkin tidak pernah dizahirkan. Namun jauh di sudut sanubari hatinya yang paling dalam, hanya ALLAH SWT yang Maha Mengetahui segalanya.

### DOA SEORANG AYAH

Seorang ayah seringkali ditafsirkan sebagai seorang yang sibuk mencari rezeki dan nafkah buat keluarganya agar dapat memenuhi segala keperluan isteri dan anak-anaknya. Penat jerih seorang ayah tidak pernah dicanangkan. Diamnya seorang ayah dalam memikul tanggungjawab dan amanah terhadap anak-anaknya. Seorang ayah juga sering dikaitkan dengan ketegasan dalam membentuk dan mendidik anak-anaknya agar menjadi sebaik-baik insan di dunia dan akhirat. Tanpa seorang ayah, pastinya tidak wujud diri kita di kehidupan dunia yang fana ini. Ayahlah yang mengalunkan azan dan iqamat saat kita dilahirkan. Kemudian dia melakukan akikah tanda terima kasih dan bersyukur dengan nikmat kurniaan ALLAH SWT buat keluarganya. Seterusnya, ayah dan mak membesarkan anak-anaknya, serta pelbagai macam pengorbanan yang dilakukan tanpa minta untuk dibalas. Segala susah-senang telah dilalui olehnya semata-mata untuk memastikan anak-anaknya dapat meneruskan kehidupan sebagai seorang hamba ALLAH SWT yang berjaya di dunia dan akhirat. Semua ini menunjukkan betapa kasihnya seorang insan yang bergelar ayah yang tidak berbelah bahagi daripada dirinya terhadap anaknya. Seorang anak yang berjaya menempuh kehidupan yang senang dan diredhai oleh ALLAH SWT adalah disebabkan makbulnya doa mak ayahnya. Sepertimana makbulnya doa seorang ibu, begitulah juga makbulnya doa seorang ayah. Malahan ada diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud (Riwayat Abu Daud):

**"Tiga doa yang diperkenankan tanpa diragui lagi padanya: Doa seorang bapa; Doa orang yang musafir; dan doa orang yang dizalimi"**

Merujuk kepada maksud hadis tersebut, jelas dapat dilihat bahawa doa yang tidak akan ditolak oleh ALLAH SWT adalah

doa daripada seorang ayah kepada anaknya. Hal ini dapat dilihat terhadap diri saya sendiri. Berkat doa seorang ayah, telah menjadikan siapa saya pada hari ini dengan izin ALLAH SWT. Alhamdulillah. Semestinya ianya juga berkat doa mak saya terhadap diri saya. Namun, disini ingin saya ketengahkan kisah mengenai doa seorang ayah.

Suatu masa dahulu semasa saya di zaman sekolah rendah, saya ada menyatakan kepada ayah bahawa saya bercita-cita untuk menjadi doktor. Saya bercita-cita sedemikian rupa kerana ingin membelah perut ayah saya untuk melihat apakah yang ada di dalam perutnya yang telah membuatkan perut ayah saya kelihatan buncit. Pemikiran seorang kanak-kanak yang tengah berhubung sel-sel otak ketika itu. Ayah cuma tersenyum dan mengiakan sahaja percakapan saya ketika itu. Namun, apabila saya kian meningkat dewasa, untuk dicucuk pun terasa sangat menakutkan, tambahan pula melihat darah pun sudah terasa sangat mengilukan. Inikah sifat untuk menjadi seorang doktor? Terasalah cita-cita saya itu seperti angan-angan Mat Jening



sahaja. Akan tetapi, semasa satu sesi motivasi dan kerjaya di sekolah menengah untuk kita menentukan hala tuju kehidupan yang mendatang. Penceramah pada waktu itu ada menyatakan bahawa menjadi jurutera untuk selenggara peralatan-peralatan di hospital juga kelihatan bekerja seperti doktor. Ayat yang dituturkan itu sedikit sebanyak telah memberi kesan buat diri saya. Lantas, saya pun memasang niat untuk menjadi seorang jurutera yang bekerja di hospital. Dengan itu, saya pun melanjutkan pengajian di dalam bidang kejuruteraan. Ketika saya mula menceburkan diri dalam bidang kejuruteraan, ayah ada bersuara, "Kata nak jadi doktor, kenapa ambik kejuruteraan". Saya pun berseloroh menjawab: "Darah dan jarum pun takut, macam mana nak belah perut ayah. Tak boleh jadi doktor, kerja di hospital macam doktor pun ok la". Ayah diam sahaja setelah mendengar penjelasan daripada saya.

Ketika saya sedang dalam pengajian diperingkat Ijazah, ALLAH SWT lebih sayangkan ayah saya. Ayah telah dijemput kembali ke alam kekal selamanya. Al-Fatihah buat arwah ayah tercinta. Setelah tamat pengajian di peringkat Ijazah, langsung tidak pernah terlintas di fikiran saya untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan seterusnya ke peringkat Doktor Falsafah. Namun, perancangan ALLAH SWT itu adalah sebaik-baik perancangan. Saya yakin ini adalah salah satu daripada doa seorang ayah buat anaknya. Walaupun saya tidak berjaya untuk menjadi seorang doktor perubatan, namun Alhamdulillah ALLAH SWT telah rezezikikan buat saya untuk bergelar doktor falsafah. Terima kasih ayah atas doa yang telah dititipkan buat anakmu ini. Walaupun ianya hanya sekadar percakapan seorang kanak-kanak yang tengah berhubung sel-sel otaknya. Namun, berkat doa seorang ayah buat anaknya. ALLAH SWT telah makbulkan doa tersebut. Allahuakbar. Al-Fatihah buat arwah ayah tercinta, Hj. Che Yob bin Othman. Semoga ALLAH SWT kurniakan syurga buat ayah. Insyallah. Mohon semua turut mendoakannya. Saya hadiahkan segala kebaikan yang ada di sebalik kerjaya saya ini buat ayah dan mak tercinta. Hebatnya doa mak ayah, bukan hebatnya diri kita.

## PENUTUP

Alhamdulillah di atas segala nikmat dan rahmat yang dikurniakan oleh ALLAH SWT buat kita semua. Hargailah mak ayah kita selagi mereka masih dipanjangkan usia. Siapa kita hari ini, adalah berkat doa daripada mak ayah kita. Kejayaan yang kita perolehi hari ini, bukanlah disebabkan oleh hebatnya kita. Ianya adalah hebatnya doa mak ayah kita. Usahlah kita memandang enteng doa seorang ayah. Makbulnya doa seorang ayah hampir sama hebatnya dengan doa seorang mak. Diamnya seorang ayah bukan bererti dia tidak mendoakan anak-anaknya. Kasihnya seorang ayah tiada belah bahagi terhadap anak-anaknya. Lelahnya seorang ayah dalam mencari nafkah, tidak pernah disuarakan. Selalulah bercerita kepada mak ayah kita. Setiap impian dan cita-cita yang ingin dikecapi. Doa mak ayah pasti akan dimakbulkan oleh ALLAH SWT mengikut kesesuaian dan ketepatan waktunya. Akhir kata, sentiasalah hadiahkan Al-Fatihah buat mak ayah kita sebagai tanda terima kasih di atas segala jasa dan doa mereka buat kita semua. Segala jasa mereka tidak terbalas dengan apa-apa sekalipun.

# Terima Kasih Mak & Ayah



# KURMA AJWA : SEJARAH, SUNNAH DAN KELEBIHANNYA



**Mohd Idzuan Bin Ahmad Johari**  
Pegawai Farmasi  
Pusat Kesihatan Universiti, Universiti Malaysia Perlis  
idzuan@unimap.edu.my

## SEJARAH

Pokok kurma atau nama saintifiknya *Phoenix dactylifera* adalah salah satu pokok purba yang dikatakan telah hidup lebih 4000 tahun yang lalu. Kamus Dewan edisi keempat mendefinisikan kurma sebagai tumbuhan (palma) yang buahnya manis dan boleh dimakan. Walaupun pakar-pakar sejarah berbeza pendapat tentang asal permulaan bagi tanaman kurma ini, ianya merupakan antara tanaman awal yang dikenali manusia dan yang awal hidup di muka bumi. Edward Vieri, seorang ilmuwan Itali mengatakan bahawa kewujudan pokok kurma adalah bermula dari negara Teluk Arab. Kadar kandungan garam dalam tanah yang tinggi, iklim subtropis yang kurangnya hujan, cuaca yang panas dan kering adalah merupakan ciri-ciri utama untuk pokok kurma ini tumbuh di sekitar tanah Teluk Arab.

Pokok kurma juga unik kerana mempunyai jenis tumbuhan jantan dan betina atau dikenali sebagai dioecious. Kejadian pokok kurma mempunyai sejarah penciptaan yang unik menurut pandangan ilmuwan Islam. Mereka berpendapat bahawa pokok kurma jantan adalah diciptakan daripada lebih tanah yang Allah s.w.t. ciptakan Nabi Adam a.s manakala pokok jenis betina tumbuh pada zaman Maryam melahirkan Nabi Isa a.s. Diceritakan bahawa Allah s.w.t. telah mentakdirkan zaman kelahiran Nabi Isa a.s, Allah telah tumbuhkan pokok tamar jantan di sebelah pokok tamar betina. Penghasilan buah kurma ini perlu melalui proses pendebungaan benih pokok jantan dengan benih pokok betina barulah terhasilnya buah kurma. Proses pendebungaan diladang-ladang sekarang bukan lagi secara alami oleh haiwan-haiwan pendebunga tetapi dilakukan manual oleh tenaga manusia.

Dikisahkan sewaktu kelahiran Nabi Isa a.s, Allah s.w.t. telah meminta Maryam untuk menggoncangkan pohon kurma yang tumbuh ditempat kelahiran Nabi Isa a.s, lalu gugurlah buah kurma masak dan dimakan oleh Maryam yang kelemahan selepas melahirkan Nabi Isa a.s. Kisah ini dirakamkan oleh Allah taala dalam Al-Quran, Surah Maryam ayat 55 yang bermaksud:-

*“Dan goyangkanlah pangkal pokok kurma itu ke arahmu, nescaya pohon itu akan menggugurkan buah yang masak kepadamu, maka makan serta minumlah dan bersenanglah kamu.”.*

Hal demikian adalah merupakan kali pertama ditegaskan bahawa khasiat kurma kepada manusia melalui perbuatan Maryam memakannya selepas tubuhnya lemah selepas kelahiran Nabi Isa a.s untuk kembalikan tenaganya semula serta mengubati dirinya. Mengambil ibrah daripada peristiwa ini, adalah sangat dianjurkan kepada wanita semasa hamil atau selepas melahirkan untuk mengamalkan memakan kurma agar kandungannya sihat dan juga menyihatkan ibu mengandung semasa dan selepas melahirkan anak. Pengamal perubatan islam juga menyatakan bahawa khasiat kurma menyihatkan ibu mengandung, memulihkan tenaga, membanyakkan susu serta memulihkan sistem peranakan kembali normal serta khasiat-khasiat lain yang tersirat untuk kesihatan manusia.

## KELEBIHAN KURMA AJWA

Imam Al-Nawawi menyebutkan dalam Kitab Minhaj Syarh Sahih Muslim bahawa terdapat 120 jenis kurma yang tumbuh di bumi Madinah. Namun, kurma Ajwa salah satu daripadanya yang mempunyai kelebihan tersendiri dan merupakan antara kurma terbaik di Madinah sama ada dari segi rasa, tekstur dan khasiatnya. Kurma Ajwa hanya mampu hidup dan berbuah di Madinah al-Munawwarah atau kawasan lingkungan sehingga 150km dari luar tanah suci Madinah al Munawwarah. Cuaca yang panas, faktor tanah dan sumber air menjadikan bumi



Madinah adalah tempat terbaik untuk pohon kurma . Terdapat kurma ajwa yang ditanam sehingga ke Khaibar kerana punyai suhu dan tanah yang hampir sama seperti tanah di Madinah al Munawwarah. Namun kurma ini masih disebut kurma Madinah kerana Khaibar masih tetap dalam wilayah Madinah. Tetapi sudah tentu Khaibar bukanlah tanah Haram. Tanah haram Madinah al Munawwarah hanya berjarak dari sempadan Jabal 'Eir ke Jabal Thaur ialah 15km sahaja. Terdapat beberapa hadis yang menerangkan kelebihan kurma Ajwa ini. Antaranya adalah seperti berikut:-

Daripada Saad bin Abi Waqqas bahawa Nabi SAW bersabda :

**Maksudnya :** *“Sesiapa yang memakan pada waktu pagi tujuh biji kurma, yang ditanam antara dua bebatuan hitam, tidak akan memberi mudarat kepadanya sebarang racun sehinggalah petang.”* [HR Muslim (2047)]

Daripada Aisyah isteri Baginda bahawa Nabi SAW bersabda :

**Maksudnya :** *“Sesungguhnya pada kurma Ajwah 'Aliyah itu ada ubat penyembuh atau ia merupakan ubat penawar bagi racun, apabila dimakan pada awal pagi.”* [HR Muslim (2048)]

Riwayat Abu Hurairah R.A bahawa Nabi SAW bersabda :

**Maksudnya :** *“Kurma Ajwa itu berasal daripada syurga, dan ia merupakan penawar daripada racun.”* [HR Ahmad (8037), al-Tirmizi (2066) dan Ibnu Majah (3455). Ahmad Syakir menyatakan bahawa sanadnya sah]

Berdasarkan daripada dua hadis di atas dapat dizahirkan dan difahami bahawa memakan tujuh biji kurma Ajwa pada waktu pagi memberi fadilat terhindar daripada racun dan sihir.


#### KEISTIMEWAAN KHUSUS KURMA AJWA MADINAH

Tanah haram bumi Madinah mempunyai kelebihannya tersendiri termasuklah pohon kurma yang ada di dalamnya . Sebagaimana dinukilkan oleh Ibnu Hajar al-Asqalani daripada al-Khattibi menyatakan bahawa **“Kurma Ajwa bermanfaat bagi mengubati racun dan sihir disebabkan oleh keberkatan doa Nabi SAW kepada kurma Madinah, dan bukan kerana khasiat kurma itu sendiri.”** Ajwa Madinah sendiri dikelaskan kepada **Ajwa Aliyah , Ajwa Madinah Tanah Haram dan Ajwa Madinah Luar Tanah Haram.** Maksud dua bebatuan hitam yang disebut dalam hadis riwayat Saad bin Abi Waqqas diatas ialah tanah antara dua sempadan tanah suci Madinah. Di Madinah al Munawwarah, hanya ada 12 buah ladang yang utama menanam kurma Ajwa sama ada di bahagian utara atau selatan dari Masjid Nabawi kerana terdapat sumber air dan sistem pengairan yang baik di

kawasan tersebut. Fizikal buah kurma Ajwa warnanya hitam, kedut dan urat seratnya jelas kelihatan . Siraman bagi tanaman kurma Ajwa ini menggunakan air dari perigi semulajadi dari bumi Madinah itu sendiri untuk menjamin kualiti kurma Ajwa yang terbaik .

Ajwa Aliyah dikatakan adalah Ajwa terbaik di Madinah. Ajwa Aliyah ialah kurma Ajwa yang di tanam di dalam tanah haram Madinah dan di kawasan yang dikenali sebagai Al-Aliyah. Al-Aliyah adalah satu kawasan tanah tinggi yakni tinggi sedikit dari ladang-ladang yang lainnya di Madinah jarak dalam 6km daripada Masjid Nabawi (*kawasan bulatan di dalam peta*) yakni juga berdekatan Masjid Quba.

Klasifikasi Ajwa tanah haram Madinah (*kawasan segi empat di dalam peta*) merangkumi semua ladang Ajwa yang terletak dalam kawasan dua bebatuan hitam seperti disebutkan dalam hadis, antara Jabal Thaur dan Jabal Eir yang juga disebut sebagai Ajwa tanah suci Madinah. Boleh dilihat kawasan pohon menghijau di dalam peta berdekatan Bukit Uhud . Justeru itu, ada ulama berpendapat bahawa Ajwa Aliyah dan Ajwa tanah haram Madinah ini mempunyai kelebihan berbanding Ajwa ditempat lain sebagaimana yang telah disebutkan dalam hadis di atas.





## NUTRISI DALAM KURMA

Kurma dipercayai antara salah satu sumber makanan yang serasi dengan tubuh manusia. Terdapat beberapa keistimewaan nutrisi yang terkandung dalam buah kurma. Antaranya adalah seperti berikut :-

### 1. Antioksidan

Antioksidan seperti flavonoid, karotenoid dan acid fenolik memberi perlindungan kepada tubuh manusia daripada radikal-radikal berbahaya yang boleh menyumbang kepada penyakit seperti kanser , penyakit jantung dan mata.

### 2. Vitamin A,B,C,D,E dan Vitamin K

Vitamin yang terkandung dalam buah kurma dapat meningkatkan pertahanan tubuh , menjaga sistem imun badan secara tidak langsung sebagai satu bentuk pencegahan kepada penyakit.

### 3. Serat dan Gula Ringkas

Kandungan serat yang terkandung dalam kurma dapat membantu untuk sistem penghadaman yang baik. Gula ringkas yang terkandung dalamnya pula memberi input tenaga segera kepada tubuh manusia. Hal demikian boleh membantu pesakit yang menghadapi masalah sistem penghadaman serta pesakit kencing manis.

### 4. Mineral , Macro dan Micronutrien

Pelbagai faedah lain yang terkandung dalam kurma seperti kalsium untuk kesihatan tulang. Nutrien-nutrien yang terkandung dalam kurma juga dapat membantu kesihatan ibu mengandung dan kesihatan kandungan serta penyembuhan selepas bersalin dengan menstabilkan hormone-hormon yang terlibat.



## KESIMPULAN

Kesimpulannya, tidak dapat disangkal lagi bahawa kurma Ajwa ini bermanfaat buat kesihatan manusia. Pastinya setiap sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah itu akan memberi berkat dan manfaat buat ummat baginda. Perbuatan memakan kurma Ajwa akan berpahala jika diniatkan untuk mengikut Sunnah baginda ,Nabi Muhammad. Selain rasa kurma Ajwa yang enak, dikurniakan kebaikan buat tubuh manusia yang telah dibuktikan oleh kajian saintifik serta berkat doa Rasulullah.



# PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM PASCA MERDEKA: ANALISIS DARI SUDUT PERKEMBANGAN DAN KESEDIAAN



**Mohamed Sarbini**  
mohamed\_sarbini@yahoo.com  
Universiti Sains Malaysia



**Noriha Basir**  
noriha@unimap.edu.my  
Pusat Sains Liberal, Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Perlis

## 1.0 Pengenalan

Sebelum penulis menyentuh perkara asas perkembangan undang-undang jenayah Islam pasca merdeka, ada baiknya penulis melihat aspek-aspek yang penting dalam Persekutuan Tanah Melayu sebelum mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Di sini, disenaraikan peristiwa-peristiwa penting sebelum negara mencapai kemerdekaan<sup>1</sup> dan kronologi perkembangan pembinaan negara sebelum Perang Dunia Kedua. Pada tahun 1403-1511, Empayar Kesultanan Melayu Melaka telah berperanan memartabatkan Islam dalam pemerintahan negara. Mengikut sejarah, pemerintahan Sultan Melayu Melaka telah mencapai kegemilangannya lebih 100 tahun. Pemerintahan Islam juga dapat memperkenalkan dan mengekalkan adat istiadat dan budaya Melayu yang masih kekal digunakan oleh Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu negeri-negeri sehingga kini. Empayar Kesultanan Melayu runtuh disebabkan Portugis menyerang dan menawan Melaka pada tahun 1511. Portugis telah menjajah Melaka selama 130 tahun. Tonggak Portugis "Gold, Glory dan Gospel". Sejarah dengan itu, agama Kristian juga disebarkan. Pada tahun 1786, Kerajaan British (*East India Company*) melalui Kapten Francois Light, telah memerintah Pulau Pinang yang telah diserahkan oleh Sultan Kedah. Pulau Pinang asalnya adalah sebahagian daripada negeri Kedah.<sup>2</sup> Portugis memerintah selama 130 tahun, kemudian pada tahun 1841-1824, Belanda menagambil alih Melaka dari Portugis. Seterusnya, pada tahun 1800 Seberang Perai (*Province Wellesly*) diserahkan kepada Kerajaan British. Akibat perebutan kuasa takhta di Perak dan Perang Taiping, British masuk campur melalui Perjanjian Pangkor pada tahun 1874. Selepas 20 tahun, iaitu pada tahun 1894, Pulau Singapura diserahkan kepada British oleh Sultan Johor. Singapura dijadikan salah satu *Colony Straits Settlement* bersama Pulau Pinang dan Dinding, Perak. Pada tahun 1874-1894 pula, pemerintahan British telah meluaskan penjajahan mereka meliputi Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Di sinilah bermula pengawalan kerajaan British terhadap Negeri-Negeri Melayu. Walau bagaimanapun, kedaulatan "sovereignty" ada keupayaan terhadap negeri masing-masing.<sup>3</sup> British bukan sekadar meluaskan pemerintahan, pada sisi yang lain, pada tahun 1895 British telah berjaya untuk memperluaskan tanah

jajahannya dengan menyatukan negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang sebagai "*Federation of Protected Malaya State*". Kemudian, British melantik penasihat kepada Raja-Raja Melayu yang mentadbir menggunakan undang-undang Inggeris. Bagi menyantuni keharmonian masyarakat Melayu, British tidak menyentuh kuasa Raja Melayu dalam pentadbiran agama Islam dan ketua kepada adat dan istiadat Melayu. Manakala, pada tahun 1903-1909, kerajaan British memperluas lagi pengaruh dan penguasaannya kepada negeri Kelantan, Terengganu dan Perlis di bawah nama "*Unfederated Malay States*" (UMS). Penasihat British dilantik sebagai pentadbir di negeri-negeri UMS. Tidak lama kemudian, negeri Johor turut dimasukkan sebagai UMS. Singapura, Melaka dan Pulau Pinang telah diaturkan di bawah pentadbiran *British Colony* yang dinamakan *The Straits Settlement*. Apabila Perang Dunia meletus pada tahun 1941-1945, pemerintahan Malaya ditadbir oleh Jepun. Sebagaimana British, Jepun juga tidak menyentuh kuasa Raja-Raja Melayu dalam perihal agama Islam dan adat istiadat Melayu. Setelah Perang Dunia Kedua tamat, Kerajaan British kembali berkuasa dan memerintah secara tentera (*British Military Administration*). Pada 21 Ogos 1946, Kerajaan British telah memaksa Raja-Raja Melayu untuk menerima penubuhan Malayan Union melalui Mac Micheal. Allahyarham Datuk Onn bin Jaafar tidak bersetuju dengan penubuhan tersebut. Beliau menumpukan tenaganya untuk menentang pentadbiran baharu itu. Penentang orang Melayu tersebut diketuai oleh Allahyarham Datuk Onn bin Jaafar. Kongres Melayu pertama telah diadakan di Kelab Sultan Sulaiman Kg Baru dan sebanyak 41 pertubuhan telah hadir untuk menentang pertubuhan Malayan Union. Hasil tekanan tersebut, akhirnya



Malayan Union dimansuhkan. Pada 2 Februari 1948, Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan.<sup>4</sup> Penubuhan tersebut adalah menurut perjanjian yang telah ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu bersama King George VI, iaitu Raja Inggeris. Terdapat sembilan buah negeri Melayu dan dua tanah jajahan British, iaitu Pulau Pinang dan Melaka, berada di bawah Persekutuan tersebut. Setiap negeri mempunyai kuasa yang tersendiri, manakala tiap-tiap kuasa ini luas dan dianggap mustahak untuk menubuhkan sebuah kerajaan pusat yang kuat.<sup>5</sup> Ketua bagi Persekutuan yang baharu ini ialah Pesuruhjaya Tinggi. Sebagai wakil Raja Inggeris, beliau mempunyai kuasa yang luas dalam perihal menggubal undang-undang dan menjalankan pentadbiran negara. Majlis Perundangan Persekutuan terdiri daripada Pesuruhjaya Tinggi sebagai pengerusi, tiga orang pegawai tetap, Peguam Negara, Setiausaha dan Setiausaha Kewangan, sebelas orang pegawai dan 34 orang bukan pegawai. Kesemua mereka dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi. Majlis Perundangan Persekutuan ini mempunyai kuasa membuat undang-undang sebagaimana yang tertulis dalam jadual perjanjian tersebut.<sup>6</sup> Pesuruhjaya Tinggi juga mempunyai kuasa mutlak (*veto*) untuk menghalang mana-mana rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan. Oleh yang demikian, Pesuruhjaya Tinggi berkuasa menjalankan pentadbiran negara ini tanpa mematuhi kedudukan Majlis Perundangan Persekutuan.<sup>7</sup>

## 2.0 Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

Usaha untuk menubuhkan Perlembagaan Persekutuan telah dilakukan sejak tahun 1948 lagi.<sup>8</sup> Penggubalan Perlembagaan ini sangat penting sebagai kesediaan untuk mentadbir negara. Usaha ini telah dilakukan oleh British dan para pemimpin dari negara-negara Komenwel. Oleh itu, hasil daripada penggubalan tersebut, satu perlembagaan bagi Tanah Melayu telah dikuatkuasakan pada 11 Februari 1948. Dalam erti kata lain, perlembagaan ini dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan 1948. Matlamat kesediaan penggubalan ini dilakukan pada dasarnya sebagai penentu bidang kuasa pemerintah dan untuk melindungi hak rakyat<sup>9</sup> supaya mampu mentadbir kerajaan Tanah Melayu apabila penjajah menyerahkan tampuk pemerintahannya kepada pemimpin Persekutuan Tanah Melayu nanti.<sup>10</sup>

Mengikut catatan para sejarawan negara, mukadimah Perjanjian 1948 yang ditandatangani oleh kerajaan Inggeris dan Raja-Raja Melayu, penubuhan Persekutuan Tanah Melayu telah melahirkan hasrat kedua-dua belah pihak untuk kesediaan tadbir urus pihak pentadbiran dan pengurusan kerajaan sendiri setelah peninggalan penjajah British. Lantaran itulah, matlamat penubuhan Persekutuan Tanah Melayu adalah untuk mewujudkan pentadbiran kerajaan yang stabil dan kondusif dalam semua bidang. Sehubungan dengan itu, satu pilihan raya telah diadakan untuk mengisi 52 kerusi dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Pilihanraya tersebut telah dilaksanakan pada bulan Julai 1955.<sup>11</sup> Dalam pilihanraya tersebut, Parti Perikatan yang terdiri daripada UMNO, MCA dan MIC telah meraih kemenangan besar iaitu sebanyak 51 kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan pada bulan Julai 1955. Bertitik tolak daripada kemenangan tersebut, perundingan ke arah penggubalan undang-undang telah diadakan di London pada 18 Februari 1956. Suruhanjaya



Bebas ini telah mencadangkan satu pembentukan perlembagaan bagi Persekutuan untuk diguna pakai oleh Tanah Melayu apabila merdeka. Suruhanjaya ini dikenali sebagai Suruhanjaya Reid.<sup>12</sup> Para hakim dan pakar perundangan Barat yang terlibat semasa penggubalan tersebut iaitu Hakim Lord Reid Ivorn daripada pihak British, Hakim Malik mewakili India, Hakim Abdul Hamid mewakili Pakistan dan Sir William Mackell mewakili Australia.<sup>13</sup> Mereka merupakan wakil atau pakar perundangan dari Tanah Melayu yang terlibat dalam penggubalan tersebut. Sehubungan dengan itu, hasil daripada penggubalan tersebut, Suruhanjaya telah menggariskan lima perkara khas dan diserahkan kepada Suruhanjaya Reid sebagai rujukan. Antara perkara penting yang telah ditetapkan semasa penggubalan tersebut ialah; Pertama, penubuhan Kerajaan Pusat yang kuat dengan hanya sedikit kuasa autonomi yang diperuntukkan kepada kerajaan negeri. Kedua, perlindungan diberikan terhadap hak kedudukan istimewa Raja-Raja Melayu. Ketiga, mengadakan 'A Common Nationality' atau Kewarganegaraan bersama. Keempat, perlantikan Ketua Negara tertakluk di bawah Perlembagaan. Kelima, menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan bagi bangsa-bangsa lain. Dapatan analisis menunjukkan, tiada satu pun peruntukan bertulis mengenai kesediaan undang-undang Islam yang diperuntukkan sebagai undang-undang negara.

Mengikut catatan sejarah, Tanah Melayu bebas daripada cengkaman penjajah iaitu mencapai kemerdekaan secara mutlak daripada British pada 31 Julai 1957. Salah satu usaha yang dirangka ialah kesediaan untuk membentuk Perlembagaan Persekutuan iaitu perlembagaan bertulis (*written constitution*)<sup>14</sup> agar mampu dijadikan asas atau panduan bagi pemerintah dan rakyat untuk bergerak dan bertindak. Laporan penggubal tersebut telah diserahkan kepada Suruhanjaya pada 21 Julai 1957. Draf terakhir ini telah diterima oleh Majlis Perundangan pada bulan Julai 1957. Anggota Majlis hanya mempunyai masa seminggu sahaja untuk meneliti kandungan perlembagaan tersebut dengan terperinci. Peruntukkan dalam masa seminggu adalah sukar bagi ahli Majlis Perundangan untuk meneliti draf kandungan tersebut dengan mendalam kerana masa yang diberikan sangat terhad. Hal ini mengakibatkan, timbul beberapa suara ketidakpuasan hati dalam kalangan para pemimpin tanah air. Lantaran itu, mereka telah mengambil keputusan menyuarakan, bahawa perlembagaan ini bukan satu perlembagaan muktamat kerana tidak sempurna kewujudannya. Bagi mendapat persetujuan British<sup>16</sup>, disamping merungkai permasalahan yang timbul,

para pemimpin Parti Perikatan telah menyediakan beberapa cadangan. Antara cadangan yang dibangkitkan ialah; mengenai fungsi-fungsi Raja-Raja Melayu, Islam sebagai agama negara dan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi mulai tahun 1967.<sup>17</sup>

### 3.0 Makna dan Peranan Perlembagaan

Secara umum, perlembagaan boleh dikatakan sebagai formula yang menyatakan bagaimana kuasa-kuasa awam dalam sesebuah negara dibahagikan serta digunakan. Perlembagaan juga perlu melihat prinsip yang membentuk institusi-institusi negara. Formula tersebut terbahagi kepada tiga, iaitu eksekutif, badan perundangan dan kehakiman yang menyatakan kuasa dan peranan mereka dalam kerangka itu.<sup>18</sup> Perlembagaan juga boleh dikatakan sebagai prinsip asas yang merangkumi nilai-nilai murni utama bagi sesebuah negara dan sesuatu masyarakat. Perlembagaan sebagai tulang belakang sesebuah negara selalunya muncul serentak dengan pembentukan sesebuah negara itu<sup>19</sup>. Setelah membincangkan makna dan peranannya, berikut penulis akan membincangkan tugas dan prinsip utama dalam perlembagaan.

#### 3.1 Pemerintahan (Eksekutif)

Mengikut teori perasingan kuasa yang dibuat oleh Montesquicu, pemerintahan adalah salah satu daripada tiga kuasa dalam sesebuah negara. Tugas pemerintah adalah menjalankan kuasa yang diberikan oleh undang-undang. Dalam Perlembagaan Malaysia<sup>20</sup>, kuasa memerintah yang dimiliki oleh Persekutuan terletak pada Yang Di-Pertua Agong dan kuasa ini boleh dijalankan oleh baginda sendiri, atau oleh Jemaah Menteri atau menteri yang ditauliahkan oleh Jemaah Menteri. Namun begitu, berdasarkan undang-undang, Parlimen boleh memberi tugas memerintah kepada orang lain, seperti pengawalan kastam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lembaga Lantikan Negara<sup>21</sup>, Majlis Amanah Rakyat, dan perbadanan lain.

#### 3.2 Kehakiman (Judisium)

Kuasa penghakiman Malaysia terletak pada dua Mahkamah Tinggi dan beberapa Mahkamah Rendah yang ditubuhkan oleh undang-undang. Kedua-dua Mahkamah Tinggi tersebut ialah Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi Borneo<sup>22</sup>. Kedua-dua Mahkamah Tinggi ini juga mempunyai beberapa Mahkamah Rendah. Setiap Mahkamah Tinggi mempunyai beberapa Mahkamah Rendah masing-masing. Bagi Mahkamah Persekutuan, pendaftaran di Kuala Lumpur dan Mahkamah Tinggi Borneo pula terletak di

pemerintahannya adalah berbentuk pengasingan kuasa iaitu Badan Perundangan yang dikenali sebagai legislatif<sup>24</sup>. Komposisi anggotanya terdiri daripada Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara. Tugas pemerintah bukan hanya untuk mewujudkan keamanan dan keharmonian negara sahaja, tetapi untuk mentadbir pelbagai perkara dan hal demi faedah dan kemudahan rakyat. Era moden kini, mempunyai pentadbiran yang sama iaitu membangunkan negara agar rakyat jelata mempunyai makanan dan pakaian yang mencukupi serta dapat menikmati pelbagai bentuk kesenangan lain. Oleh kerana itu, sistem pentadbiran menjadi rumit dan jika sistem pentadbiran tersebut tidak diatur dengan rapi, maka akan bertambah rumit<sup>25</sup>. Bagi menjalankan tugas yang berat ini, pentadbiran kerajaan diuruskan oleh beberapa pihak berkuasa awam. Pihak berkuasa awam ini terbahagi kepada dua, iaitu; Pertama, Kementerian dan Jabatan. Kedua, Badan-badan Berkanun<sup>26</sup>. Apabila Portugis dan Belanda meninggalkan negara ini dan seterusnya, pemerintahan diambil alih oleh British, hal ehwal agama Islam tidak diganggu lagi. Pada masa yang sama, pihak British, melalui beberapa perjanjian damai dan persahabatan dengan Raja-Raja Melayu, telah berjaya mendapatkan hak untuk memberi nasihat kepada Raja-Raja Melayu dalam semua perkara yang bersabit dengan pentadbiran negara, kecuali perkara berkenaan agama Islam. Sebagai contoh, Perkara 2, perjanjian antara kerajaan negeri-negeri Selat bersama pembesar memerintah Negeri Sembilan bertarikh 30 Jun 1895, telah dipersetujui bahawa mereka, "mengaku janji untuk menurut nasihat (Residen British) dalam semua hal ehwal pentadbiran selain soal yang menyentuh agama Islam"<sup>27</sup>.

#### 4.0 Peruntukan Agama Islam

Peruntukan perlembagaan tentang agama Islam merupakan satu unsur tradisi perkembangan sejarah. Peruntukan perlembagaan tersebut adalah sebahagian daripada perkembangan sejarah pemerintahan beraja. Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai berbilang agama. Rakyat negara ini mengamalkan agama-agama yang berlainan seperti Islam, Hindu, Buddha, Kristian dan kepercayaan yang lain. Hanya bangsa Melayu menganut satu agama iaitu Islam. Oleh yang demikian, maka adalah asing bagi bangsa Melayu di Malaysia untuk tidak menganut agama Islam. Seseorang yang seumpama itu, dianggap 'murtad' (terkeluar daripada agama). Seterusnya, seseorang itu menjadi Melayu adalah merujuk pegangan agamanya iaitu Islam walaupun pihak tersebut tidak mengamalkan Islam sepenuhnya atau menjadi penganut Islam yang taat<sup>28</sup>. Perkara 160 mentakrifkan seorang 'Melayu' sebagai seseorang yang beragama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu. Menurut adat istiadat Melayu<sup>29</sup>. Agama Islam telah menjadi agama orang Melayu sejak 570 tahun dahulu. Agama Islam pertama kali dibawa ke sini oleh pedagang-pedagang Arab melalui India dan mendarat di pantai Melaka pada abad ke-15 atau lebih awal daripada itu. Sejak daripada itu, orang Melaka mulai memeluk agama Islam. Pada masa yang lampau, mereka berperang menentang kuasa-kuasa Eropah, antaranya; Portugis dan Belanda. Selain berhasrat untuk menguasai kawasan-kawasan tertentu di sini, pada sisi

yang penjajah untuk pusat perdagangan dan perniagaan, penjajah juga berazam hendak menukar agama orang Melayu kepada Kristian. Hasrat mereka gagal berbuat demikian, kerana ketika itu masyarakat orang Melayu telah memiliki pegangan yang kuat terhadap Islam. Peruntukan yang sempurna didapati dalam semua perjanjian lain yang telah dipersetujui oleh Raja-Raja Melayu dengan Great Britain. Dalam sepucuk surat bertarikh 24 Ogos 1888, Sultan Muazzam Shah dari Pahang menulis kepada Sir Clementi Smith, Gabenor negeri Selat menyatakan:

*"Dalam permintaan ini, kami yakin kerajaan British akan memberi jaminan kepada kami yang sebenar menurut sistem kerajaan kami, dan akan berjanji bahawa mereka tidak akan campur tangan dalam adat istiadat negeri kami yang mempunyai sebab-sebab yang baik dan wajar, dan juga bersabit hal ehwal yang berhubung dengan agama kami..."*

Sebuah Persekutuan ialah terdiri daripada empat buah negeri Melayu, iaitu Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan yang ditubuhkan dalam bulan Julai 1895 dengan tujuan mendapat perlindungan British. Di bawah perjanjian yang termaktub pada tahun itu, setiap kerajaan Negeri-Negeri Bersekutu akan ditadbir di bawah nasihat kerajaan British dan dalam masa yang sama raja-raja negeri, telah bersetuju menerima seorang pegawai British yang bergelar Residen Jeneral. Nasihat diikuti oleh Raja-Raja Melayu dalam semua perkara pentadbiran selain perkara yang menyentuh agama Islam<sup>30</sup>. Persekutuan tidak mempunyai organisasi yang sempurna yang boleh dianggap sebagai kerajaan pusat. Oleh itu, bagi memantap dan melicinkan pentadbiran, satu perjanjian lain telah ditandatangani pada tahun 1909 apabila suatu badan perundangan yang dinamakan Majlis Perundangan dibentuk untuk meluluskan undang-undang yang akan



dilaksanakan seluruh Persekutuan<sup>31</sup>. Dengan penubuhan itu, Majlis Persekutuan perlu menyatakan dalam perjanjian tersebut bahawa semua undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Negeri akan berkuat kuasa kecuali undang-undang yang tidak bersesuaian dengan mana-mana peruntukan yang diluluskan oleh Majlis Persekutuan. Walau bagaimanapun, keutamaan undang-undang yang telah diluluskan oleh Majlis Persekutuan dan bidang kuasa perundangan majlis tersebut tidak meluas kepada soalan-soalan yang berhubung dengan agama Islam, masjid, pencen politik, ketua-ketua tempatan dan penghulu serta soalan yang menyentuh hak dan kedaulatan dalam kalangan empat orang raja. Semua soal ini khas untuk Majlis Negeri dan di luar lingkungan nasihat British<sup>32</sup>.

## 5.0 Islam Agama Persekutuan

Selepas Perang Dunia Kedua, British telah menukar peranan mereka daripada 'penasihat' kepada 'pentadbir' negara secara langsung dengan memperkenalkan Perlembagaan Malayan Union pada tahun 1947<sup>33</sup> dan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948, tetapi perihal adat istiadat Melayu dan agama Islam tidak disentuh oleh kuasa mereka<sup>34</sup>. Maka dengan ini, peruntukan Perkara 3 Persekutuan Malaysia yang mengisytiharkan bahawa "Islam ialah agama bagi Persekutuan", membayangkan apa yang telah dipertahankan oleh orang Melayu selama ini, malah sebelum kuasa British memasuki Malaysia lagi. Ketika pentadbiran penjajah British, mereka juga telah membawa masuk agama Kristian, sementara kaum pendatang lain membawa masuk agama lain seperti Hindu dan Buddha. Oleh yang demikian, untuk menjadikan agama Islam sebagai agama Persekutuan mestilah memberi pertimbangan kepada kepercayaan lain. Oleh itu, Perkara 3 memperuntukan suatu fasalimbangan yang menyebut, "tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan"<sup>35</sup>.

Kebebasan beragama dijamin<sup>36</sup> bagi semua agama dan setiap orang mempunyai hak untuk menganut dan mengamalkan agamanya serta tertakluk kepada Fasal 4, untuk mengembangkannya. Setiap agama mempunyai hak untuk;

- Menguruskan hal ehwal agama masing-masing
- Menubuh dan menyelenggara institusi bagi maksud agama dan khairat
- Memperoleh dan memiliki harta benda serta mentadbir mengikut undang-undang

## 6.0 Peruntukan Islam Dalam Negeri

Bagi setiap negeri di Malaysia, peruntukan Islam sebagai 'agama negeri' (*the religion of state*) telah diperuntukan melalui undang-undang tubuh masing-masing, termasuk negeri-negeri tidak beraja seperti Sabah pada tahun 1973, Sarawak pada tahun 1976, Melaka pada tahun 1993 dan Pulau Pinang pada tahun 1995. Contoh bagi peruntukan tersebut ada disebut, sebagaimana yang telah diperuntukan di Pulau Pinang<sup>37</sup>;

### "5. Religion of Islam

- Islam is the Religion of State, but other religions may be practical in peace and harmony in any part of the State*
- The Yang di-Pertuan Agong shall be the Head of Religion of Islam in the state*
- The legislative by law make provision for regulating Islamic religion and for Constitution of Council of advice the Yang di-Pertuan Agong in matter relating to the religion of Islam..."*

Mengikut peruntukan ini, agama bagi negeri ialah Islam, tetapi penganut agama lain bebas untuk menganut dan mengamalkan agama masing-masing<sup>38</sup>. Apabila agama Islam telah dijadikan agama negeri, maka kuasa untuk membuat undang-undang yang berkaitan dengan undang-undang Islam adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri dan tidak terkecuali di Wilayah Persekutuan<sup>39</sup>. Peruntukan ini adalah memberikan kuasa kepada

negeri untuk menggubal undang-undang Islam yang berkaitan pentadbiran hal ehwal undang-undang diri orang Islam. Pada sisi yang lain pula, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukan hukum syarak sebagai undang-undang diri (*personal law*)<sup>40</sup> bagi orang Islam dalam bidang kuasa negeri-negeri, kecuali Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya seperti yang telah ditetapkan dalam Jadual Kesembilan Senarai 2 – Senarai Negeri<sup>41</sup>.

## 7.0 Pertindihan Bidang Kuasa

Selaras dengan perkembangan tersebut, kedudukan undang-undang diri bagi orang Melayu amat istimewa berdasarkan hukum syarak di Peringkat Negeri. Setelah menelaah dan menganalisis beberapa Akta dan Ordinan, penulis menemui ada beberapa pertindihan bidang kuasa berkenaan pentadbiran terhadap kesalahan dan hukuman dalam status yang dikuatkuasakan oleh pihak Persekutuan. Pertindihan tersebut adalah seperti berikut<sup>42</sup>:

7.1 Akta Memperbaharui Perkahwinan dan Penceraian 1976 (Akta 164). Akta tersebut khusus digunakan hanya untuk orang bukan Islam sahaja. Seksyen 51 Akta ini telah mengecualikan orang Islam, iaitu hanya pihak yang bukan Islam sahaja yang boleh membuat sebarang tindakan berkenaan Akta tersebut<sup>43</sup>.

7.2 Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Nafkah) 1950. Akta ini tidak terpakai ke atas orang Islam kerana orang Islam tertakluk kepada peruntukan Enakmen Keluarga Islam bagi setiap negeri<sup>44</sup>. Sebagai contoh, Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 atau *Islamic Family Enactment* (Perak) 2004. Enakmen ini mengandungi 477 halaman. Dalam seksyen 13 Akta (Nafkah) 1950 memperuntukan bahawa;

*"this act shall not apply to any person professing the religion of Islam and whose legitimate or illegitimate child, as the case may be, professes the religion of Islam. If under law in force in such State, there is provision for the making of orders for the maintenance of wives and legitimate or illegitimate children, and for enforcement of such orders against such person professing the religion of Islam."*<sup>45</sup>

7.3 Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257). Dapatan analisis akta ini juga tidak terpakai kepada orang Islam dari sudut hukum syarak, iaitu ibu bapa angkat tidak boleh dianggap sebagai ibu bapa kandung<sup>46</sup>. Sehubungan dengan itu, daripada sudut pentadbiran, pengambilan anak angkat bagi orang Islam juga dibuat di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253), iaitu semua pihak sama ada Islam atau bukan Islam dikehendaki mendaftar anak-anak angkat dengan pihak Jabatan Kebajikan Malaysia untuk menjamin keselamatan anak angkat tersebut agar mendapat penjagaan yang sempurna.

7.4 Akta Pembahagian 1958 (Akta 300). Akta ini telah diwartakan pada tahun 1958. Akta ini tidak terpakai ke atas orang

Islam bagi tujuan pembahagian harta pusaka berdasarkan peruntukan Seksyen 2 Akta ini<sup>47</sup>. Dalam kes orang Islam, Mahkamah Syariah dan juga Mahkamah Sivil hendaklah merujuk kepada hukum syarak<sup>48</sup>.

Kesimpulannya, semua penerangan di atas, menunjukkan akta-akta tersebut telah digubal pada tahun 1950 dan tahun 1952, iaitu semasa pemerintahan British, manakala dua daripadanya digubal pada tahun 1958 dan tahun 1976, iaitu selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Semua akta yang tersebut di atas masih berkuat kuasa sehingga ke hari ini, walaupun negara telah mencapai kemerdekaan selama 61 tahun. Dapatan analisis juga menunjukkan, setakat ini belum ada tindakan pihak berwajib iaitu kerajaan negeri, JAKIM, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen, melihat pertindihan ini.

## 8.0 Kedudukan Mahkamah Syariah<sup>49</sup>.

Matlamat kewujudan sesebuah mahkamah adalah untuk memastikan supaya keadilan dapat ditegakkan dan kezaliman dapat dihapuskan. Bagi mencapai matlamat tersebut, seorang hakim<sup>50</sup> bukan sahaja perlu arif dalam hal undang-undang substantif dan kaedah atur cara sesebuah mahkamah. Sekiranya, undang-undang prosedur ditadbir dengan penuh adil dan saksama, barulah keadilan itu dapat dilihat telah ditegakkan dan bukan sekadar perlu ditegakkan. Kepentingan kaedah-kaedah ini, amat dititikberatkan oleh undang-undang Islam<sup>51</sup>.

## 9.0 Kedudukan Undang-undang Jenayah Syariah.

Menurut Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Syariah diletakkan di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Kuasa Mahkamah ini amat terbatas. Kuasa mahkamah tersebut hanya menjatuhkan hukuman penjara maksimum 3 tahun, denda RM5000 dan 6 sebatan rotan. Undang-undang Islam tidak disebut sebagai antara sumber undang-undang oleh Perlembagaan Persekutuan. Pada 1988 telah dilakukan suatu pindaan perlembagaan bagi melindungi bidang kuasa Mahkamah Syariah dari dicampuri oleh Mahkamah Sivil<sup>52</sup>. Selepas pindaan tersebut, maka perkara-perkara yang tertakluk di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah tidak boleh lagi disentuh oleh Mahkamah Sivil. Sebelum ini, keputusan Mahkamah Syariah sering disemak oleh Mahkamah Sivil. Keputusan tersebut dikatakan tidak wajar kerana penghakiman yang telah diputuskan mengikut prinsip-prinsip perundangan Islam, kadang-kala diubah oleh Mahkamah Sivil. Walau bagaimanapun, kesan yang diharapkan tidak dapat dicapai sepenuhnya kerana ada antara hakim Mahkamah Sivil masih gagal untuk melaksanakan sepenuhnya pindaan tersebut.

Dalam hal ini ada juga cadangan untuk menyatukan sistem kehakiman sivil dan Syariah. Alasan yang dikemukakan ialah negara ini terlalu kecil untuk mempunyai dua sistem kehakiman<sup>55</sup>. Dalam pada itu, oleh kerana orang Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri, maka secara tidak langsung terdapat 14 sistem Mahkamah Syariah di Malaysia. Meskipun, hujah ini bertemakan keseragaman, namun rombakkan terhadap sistem



Pada hari ini ramai orang mencari Tuhan dalam cara yang mereka faham dengan beranggapan dengan mengenali Tuhan maka mereka dapat memahami makna kehidupan mereka yang sebenarnya (*meaning of life*). Konsep Ketuhanan dalam Islam adalah mempercayai Tuhan sebagai Pencipta seluruh alam semesta ini tanpa penganutnya boleh melihat, mendengar dan menyentuh zat Tuhan yang dinamakan Allah SWT. Ini mungkin berlainan dalam agama Kristian dan Hindu di mana Tuhan digambarkan dalam bentuk patung Nabi Isa yang disalib (Kristian) dan haiwan seperti monyet dan gajah (Hindu). Dalam masyarakat Islam, anak-anak selalunya didedahkan tentang kewujudan Tuhan melalui kejadian di persekitaran mereka hidup serta kemajuan dalam sains dan teknologi yang boleh dibuktikan dalam ayat-ayat Al Quran. Jadi di Malaysia, pengajian untuk mengenal Tuhan secara akademik yang berstruktur telah diajar di sekolah kepada anak-anak Islam dalam topik Tauhid, dan Tasawur.

Belajar untuk mengetahui sesuatu benda, kejadian dan perkara melalui kebolehan manusia mendengar, melihat, merasa, menghidu, dan menyentuh dengan deria bukan satu perkara yang mudah pada semua orang. Setiap deria memberikan tafsiran dan pengertian yang berbeza kepada setiap individu. Pengalaman semua orang juga berbeza dalam memberikan tafsiran kepada pedas, manis, wangi, pahit, sakit, susah, dan seumpamanya. Ini semakin mencabar kepada manusia untuk memahami sesuatu yang kita tidak boleh faham dengan deria

seperti arus elektrik sebagai contohnya yang hanya boleh dilihat kewujudannya melalui kesan seperti menyalakan mentol dan menggerakkan kipas angin. Ditambah lagi untuk memahami alam semesta dengan bulan, bintang dan matahari yang langsung tidak boleh dibayangkan kerana tidak semua orang mampu memahami bidang sains dan teknologi contohnya.

Jadi adakah benar kemajuan sains dan teknologi dapat memberikan kefahaman tentang Konsep Kewujudan Tuhan? Oleh itu untuk memahami satu konsep yang besar seperti Ketuhanan adalah sesuatu yang sukar, dan apabila seseorang sudah kuat kepercayaannya (*belief*) maka adalah sukar pula untuk mengubahnya. Tidak semua manusia faham tentang diri dan perasaan mereka sendiri – sedih, marah, gembira, takut dan sebagainya datang silih berganti. Ada yang suka kepada kebebasan kemudiannya menjadi takut bila ditinggalkan seseorang kerana kebebasan menuntut tidak terikat kepada sebarang syarat, undang-undang dan situasi.

Berbalik kepada pemahaman kewujudan Tuhan, persepsi manusia adalah berbagai walaupun mereka dibesarkan dalam keluarga yang mempunyai ibubapa yang sama, atau dalam kaum dan negara yang sama. Kelahiran kita dalam keluarga Islam atau mana-mana agama tidak akan menentukan kita faham tentang Tuhan yang keluarga kita sembah sejak berkurun-kurun. Seperti juga minat dan keghairahan (*passion*) pada sesuatu perkara seperti membaca, berniaga, bertani, bersukan dan sebagainya, akan membuat seseorang mula mencari ruang dan peluang, serta berusaha untuk mencapai cita-citanya termasuk dalam bidang agama. Ada orang yang berminat mencari Tuhan dalam semua agama yang dia ketahui melalui gaya hidup dan sumber pengetahuan yang ada pada penganut agama tersebut. Ada pendapat yang mengatakan manusia percaya kepada Tuhan dari program yang telah ditanam oleh keluarga dan pemimpin sejak mereka dilahirkan dan perlu diterima tanpa soal-jawab. Maka tidak hairan pada zaman ini ramai penganut yang mengikut tanpa kefahaman betul dan menjadi keliru yang akhirnya mula bertanya tentang Tuhan yang mereka sembah. Kekeliruan ini semakin meningkat kepada generasi yang semakin terdedah kepada sumber maklumat yang tanpa sempadan di Internet. Ajaran Islam yang ditulis dalam Al Quran kini telah dicampur-aduk dengan elemen kebudayaan setempat, dan animism bila menerangkan kewujudan konsep Tuhan. Pada generasi hari ini, semua sifat ketidakadilan dan ketidaksempurnaan manusia telah membayangi kewujudan konsep Tuhan hasil dari perlakuan golongan yang mengaku pendokong agama, dan ia berlaku dalam semua ajaran agama.

Maka bertambah mencabar bagi setengah daripada kita untuk mempercayai kewujudan Tuhan melalui gaya hidup dan akhlak penganut-penganut sahaja. Apabila bukti-bukti jumpaan dan pembangunan manusia melalui perkembangan sains dan teknologi dirujuk mempunyai kebenaran seperti ayat-ayat dalam surah Al Quran, ia mungkin dapat menyakinkan pada yang faham tentang sains dan teknologi, tetapi bagaimana pula dengan mereka yang tidak faham sains dan teknologi. Sekarang mereka yang sedia keliru dengan konsep Tuhan, bertambah keliru untuk memahami sains dan teknologi pula. L. Ron Hubbard pada 18hb Februari, 1952 telah menubuhkan agama yang dipanggil Church of Scientology di Los Angeles, Amerika Syarikat dengan tujuan untuk memahami tentang manusia dan kejadiannya melalui sains. Namun pada hari ini agama ini menghadapi banyak dakwaan telah disalahguna oleh penggantinya, David Miscavige untuk mengumpul aset dan berlaku penganiayaan kepada penganut-penganutnya (The Church of Scientology, 2021).



Di antara tahun 1901 sehingga 2021, Yayasan Nobel telah menganugerahkan 609 Hadiah Nobel dan sains ekonomi kepada 975 penerima hadiah tersebut (The Nobel Prize, 2021). Anugerah ini memang ditunggu oleh semua saintis, dan mereka di bidang perubatan dan fisiologi, kesusasteraan, keamanan dan sains ekonomi seluruh dunia. Namun mengapa mereka tidak percaya kepada kewujudan Tuhan melalui bidang sains dan yang lain. Ini menunjukkan untuk mengetahui kewujudan Tuhan adalah lebih sukar untuk difahami oleh mereka walaupun mereka adalah pakar dan hebat dalam bidang sains.

Tiga contoh ayat Al Quran di bawah adalah antara bukti-bukti sains yang telah diterangkan dalam Al Quran dengan jelas, dan difahami oleh semua masyarakat yang mempunyai pengetahuan dalam sains.

#### Ayat 6, Surah Al Hadid, ke 97 dalam mushaf Al Quran

*“Dialah yang memasukkan waktu malam ke dalam waktu siang, dan memasukkan waktu siang ke dalam waktu malam (silih berganti); dan Dialah Yang Maha Mengetahui akan segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada.”*

#### Ayat 11, Surat Al Qamar, ke 54 dalam mushaf Al Quran

*“Maka Kami membuka pintu-pintu langit dengan menurunkan hujan yang mencurah-curah.”*

#### Ayat 39, Surah Fussilat, ke 41 dalam mushaf Al Quran

*“Dan antara tanda-tanda kekuasaanNya, engkau melihat ini kering dan tandus, maka apabila Kami menurunkan hujan ke atasnya, nescaya tanahnya bergerak (berubah) dan subur (dengan tumbuh-tumbuhan). Sesungguhnya Allah Yang Menghidupkannya sudah tentu berkuasa menghidupkan makhluk-makhluk yang telah mati. Sesungguhnya Dia Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.”*

Walaupun telah ditunjukkan bukti-bukti sains dalam Al Quran bagi membantu kefahaman orang yang suka dan tidak suka sains dan teknologi, namun ia belum kukuh untuk menyakinkan Tuhan itu wujud bagi mereka yang penganut Islam. Manusia hari ini berhubung dengan orang yang mereka kenal dan tidak kenal melalui internet, dan berupaya mencari maklumat serta berbincang tentang Ketuhanan. Menjadi fitrah untuk manusia saling bersosial dan berjalan ke pelbagai tempat di dunia ini dalam mencari dan memahami konsep Tuhan. Islam bukan setakat mengajar Tauhid malahan menekankan tentang Akhlak yang baik. Kita selalu mengatakan kehidupan orang Jepun menghampiri ajaran Islam dari segi jimat cermat, kebersihan dan saling menghormati sedangkan ramai warga Jepun yang tidak mempunyai agama langsung. Dari segi penjagaan kebajikan masyarakat, negara Barat pula selalu menjadi contoh terbaik dan sebaliknya negara-negara Islam dilaporkan melaksanakan penderaan kepada wanita dan haiwan. Jadi selain dari jumpaan sains dan teknologi yang boleh dibuktikan oleh Al Quran, sahsiah dan akhlak penganut Islam juga menjadikan kepercayaan kepada kewujudan Tuhan itu kurang menarik di mata penganut agama bukan Islam dan golongan atheist.

Kesimpulannya untuk seseorang itu memahami dan mengenal Tuhan bukanlah sesuatu yang mudah kerana ia melibatkan tahap pemahaman fikiran yang betul melalui pemerhatian, dan penggajian tinggi. Didikan dan pendedahan tentang Tuhan sedari kecil di rumah tidak mampu memastikan kepercayaan kepada Tuhan itu kekal jika di pihak anak-anak itu sendiri tidak ada kesungguhan. Tidak ada sebarang agama yang menyuruh penganutnya melakukan kerosakan dan penganiayaan kecuali agama yang diasaskan oleh manusia seperti Church of Scientology. Kita juga melihat kewujudan Tuhan dalam berbagai bentuk mengikut ajaran agama masing-masing, dan kebaikan serta keburukan akibat ketaksuban penganut-penganutnya. Samada seseorang itu mempercayai kewujudan Tuhan atau tidak; mengamalkan ajaran agama Tuhan mereka atau tidak; kita perlu menghormati hak-hak manusia untuk memilih dan bertanggungjawab atas tindakan yang dilakukannya. Hakikatnya persamaan yang ada pada kita semua sebagai insan adalah mengingini kesihatan yang baik, hidup dalam berkasih-sayang dengan ikhlas, dan bahagia bersama-sama dengan orang kita suka dan selesa tanpa mengira agama, latar belakang dan kaum. Janganlah sesuatu yang suci seperti konsep Ketuhanan menjadikan kita penganut yang kejam terhadap penganut agama lain atau pada yang memilih untuk tidak mempercayai Tuhan itu wujud.

# Pandanglah Dari Sudut Pandangan Mata Lebah



Rashidah Hj. Che Yob  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik  
rashidahcheyob@unimap.edu.my

## PENDAHULUAN

Kehidupan hari ini penuh dengan ujian dan cabaran. Kehadiran pandemik COVID-19 sejak dua tahun yang lalu telah mengubah rutin kehidupan di antara kita semua dalam sekelip mata. Ianya satu perubahan yang sangat besar yang mungkin sukar untuk diatasi oleh semua. Namun, kita sebagai hamba ALLAH SWT yang hina lagi dina, harus sedar bahawa kehidupan kita di dunia ini adalah sementara. Yang hidup pastinya akan mati. Yang datang menghampiri pastinya akan pergi. Yang dibebani masalah mahupun ujian pasti akan dapat diatasi. Namun, ianya bukan perkara yang mudah andai kehidupan kita ini hanya bergantung kepada manusia. Ianya mustahil bagi kita manusia biasa, namun tiada yang mustahil di sisiNya. Sepertimana tercatat dalam Al-Quran, surah Yasin ayat 82:

*Kun Fayakun. Jadilah Engkau!, Maka ia terus terjadi.*

Hal sebegini, semestinya langsung tidak pernah terlintas di fikiran kita ianya akan berlaku. Namun, kekuasaan ALLAH SWT dan perancangannya tiada siapa yang dapat menduga dan mengetahuinya. Insya-ALLAH, disebalik semua ini pasti ada hikmah dan rahmat yang ALLAH SWT ingin berikan buat kita semua. Lantas, pandanglah dari sudut pandangan mata lebah agar kehidupan kita yang mendatang sentiasa dihiasi dengan rasa syukur dan dipenuhi dengan ketenangan dan kegembiraan. Seterusnya, solusi yang terbaik dapat kita temui bagi setiap ujian dan dugaan yang menimpa. Insya-ALLAH.

## SIFAT SANG LEBAH

Lebah adalah sejenis serangga ataupun makhluk ciptaan ALLAH SWT yang bersaiz kecil, namun mampu memberikan banyak manfaat kepada manusia amnya serta seluruh alam khususnya. Kisah lebah juga ada tercatat di dalam Al-Quran, surah An-Nahl ayat 69:

*"Dari perut lebah itu keluarlah minuman (madu) yang bermacam-macam warnanya, di dalamnya terdapat ubat yang menyembuhkan bagi manusia. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Tuhan) bagi orang-orang yang memikirkannya."*



Seperti yang kita sedia maklum, lebah adalah sejenis serangga yang menghasilkan madu. Madu lebah juga mempunyai pelbagai jenis dan rasa. Khasiat madu lebah tidak dapat dinafikan, iaitu membantu meningkatkan sel darah merah dalam badan, melembapkan kulit, mengurangkan masalah batuk serta pelbagai manfaat lainnya. Penggunaan madu lebah juga terlampau meluas merangkumi pelbagai aspek kehidupan seperti produk kecantikan, masakan, dan lain-lainnya. Ini membuktikan bahawa madu daripada lebah bukan sahaja berfungsi sebagai penawar dalaman tetapi ianya juga boleh digunakan sebagai penggunaan luaran.

Apabila kita meneliti sifat lebah, dimana ianya akan mencari bunga-bunga yang cantik untuk menghasilkan madu. Madu yang dihasilkan pula akan memberikan manfaat buat manusia dan makhluk lainnya. Melalui sifat lebah ini, dapatlah kita ambil pengajaran dan pedoman agar kita sebagai manusia yang merupakan sebaik-baik makhluk ciptaan ALLAH SWT yang paling sempurna dan berakal seharusnya dapat memandangi sesuatu perkara dengan positif. Sepertimana madu yang dihasilkan oleh lebah banyak memberikan manfaat kepada manusia. Begitulah hendaknya diri kita agar dapat memberikan manfaat kepada orang lainnya. Hal ini ada dinyatakan melalui Hadis Riwayat Bukhari, dimana Rasulullah SAW bersabda:

*"Sebaik-baik manusia diantaramu adalah yang sentiasa memberikan manfaat buat manusia lainnya".*

## PEMIKIRAN DAN TINDAKAN

Corak pemikiran bagi golongan yang memandangi dengan pandangan mata lebah adalah akan sentiasa berfikir positif, lantas menimbulkan rasa syukur, suka menghargai, hati yang lebih tenang, memandangi kebaikan orang lain serta menonjolkan sifat serta sikap yang menyenangkan sesiapa sahaja. Malahan, pemikiran yang positif juga akan mendorong serta menarik perkara yang positif. Secara tidak langsung, pemikiran yang positif akan mendorong kepada kelakuan ataupun tindakan yang positif. Lantas, akan membawa kepada kejayaan yang lebih menyerlah dan cemerlang dengan izinNya.

Pilihan berada pada diri kita, samada ingin melihat sesuatu perkara yang berlaku dari sudut pandangan mata lebah ataupun dari sudut pandangan mata lalat. Lebah dan lalat adalah sejenis makhluk halus ataupun serangga ciptaan ALLAH SWT tetapi diberikan dua sifat yang berbeza. Begitu juga dengan pepatah berkaitan dengan kejadian manusia yang dikatakan manusia itu mempunyai rambut sama hitam, tetapi mempunyai pemikiran yang berbeza-beza. Diri individu tersebut yang akan menentukan apakah corak pemikiran yang ingin ditaksirkan terhadap sesuatu perkara yang berlaku. Sepertimana lebah, walaupun berada di dalam kawasan timbunan sampah, tetapi

tetap akan berusaha untuk mencari madu tanpa berputus asa. Meskipun, pandangan mata lebah yang berada di dalam kawasan yang dipenuhi dengan keburukan dan mungkin sukar untuk menemui kebaikan, namun mata lebah akan terus dan tetap optimis untuk berusaha mencari madu, iaitu kebaikan. Hal ini sangat ketara perbezaannya dengan mata lalat, yang mana lebih cenderung untuk mencari kekotoran, iaitu keburukan. Walaupun lalat berada di dalam taman yang dipenuhi bunga dengan pelbagai warna dan harumannya, namun lalat akan terus mencari sampah dan benda yang kotor. Lalat tidak akan terpesona dengan kecantikan dan keharuman bunga-bunga tersebut. Mata lalat hanya akan fokus untuk mencari najis yang terpalit, bangkai yang terselit, dan juga kotoran-kotoran yang lebih mengujakannya. Kita dapat lihat hal ini dengan jelas, bahawa setiap kejadian oleh ALLAH SWT ini sebenarnya memberikan seribu satu pengajaran dan pedoman kepada kita untuk dijadikan sebagai iktibar. Teruslah pupuk diri agar pemikiran kita akan sentiasa melihat daripada sudut pandangan mata lebah berbanding daripada sudut pandangan mata lalat. Ianya mungkin tidak semudah seperti yang dituturkan, namun ianya juga bukan sesuatu yang terlalu sukar dan mustahil dilakukan dengan izinNya. Bermula dengan niat, keazaman seterusnya dengan latihan dan tindakan. Sentiasa berdoa kepada ALLAH SWT agar dikurniakan pandangan lebah, iaitu akan sentiasa memandangi sesuatu perkara yang berlaku di dalam kehidupan kita mahupun disekeliling kita dengan



pemikiran yang positif terlebih dahulu.

Sebagai manusia biasa, pastinya setiap daripada kita mempunyai kelemahan. Namun, disebalik kelemahan yang kita ada pastinya disertakan dengan kelebihan. Lihatlah kelebihan dan kebaikan yang ada pada seseorang itu agar kelebihan dan kebaikan tersebut dapat memberikan manfaat buat manusia lainnya. Usah ditonjolkan kelemahan dan kekurangan seseorang itu, kerana pastinya kelemahan dan kekurangan yang dimiliki oleh seseorang tersebut dapat diatasi dengan kelebihan dan kebaikan yang terdapat pada orang lainnya. Umpama suami isteri yang saling memerlukan untuk saling melengkapi dalam mewujudkan sebuah keluarga yang harmoni. Apabila kita memandangi pasangan kita dari sudut pandangan mata lebah, Insya-ALLAH segala kekurangan yang dimiliki oleh pasangan kita itu bukannya satu penghalang untuk menjadikan hubungan suami isteri dan juga kekeluargaan tidak harmoni. Malahan, kita akan rasa menghargai dan dihargai serta saling berkasih sayang kerana ALLAH SWT. Insya-ALLAH.

Hal ini juga tidak terkecuali bagi pekerja dan majikan yang mana turut saling memerlukan bagi memastikan sesebuah organisasi tersebut berkembang maju. Tanpa bantuan dan khidmat pekerja bawahan, semestinya segala tugas tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Kemahiran dan kepakaran yang dimiliki oleh setiap individu pastinya berbeza-beza. Malahan, keperluan bagi setiap kemahiran dan kepakaran itu juga berbeza. Oleh itu, apabila majikan memandangi pekerjaanya dengan pandangan mata lebah, pastinya para pekerja dapat memberikan khidmat bakti yang terbaik. Pandangan dari sudut mata lebah yang diberikan oleh majikan kepada pekerjaanya akan membuatkan pekerja rasa dihormati dan dihargai. Lantas, penyelesaian yang diberikan oleh majikan tersebut pastinya akan mempengaruhi tindakan para pekerja untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik buat organisasinya. Malahan, dengan permulaan pemikiran yang positif, pastinya akan menghasilkan tindakan yang positif dan begitulah sebaliknya. Pemikiran yang negatif pastinya akan menghasilkan tindakan yang negatif. Oleh itu, kita perlu tanamkan dalam diri kita bahawa:

“Saya ada apa yang awak tiada, dan awak ada apa yang saya tiada”

Apabila kita bekerja bersama, pasti hasil kerja tersebut menjadi lebih baik dan terbaik. Bak kata pepatah, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Dengan itu, pasti kita akan terasa saling memerlukan dan menghargai orang lain serta dapat mendidik diri kita untuk melihat seseorang itu dengan pandangan mata lebah, iaitu pandangan dari sudut yang positif.

#### PENUTUP

Lumrah kehidupan kita sebagai manusia di muka bumi ini akan diuji. Namun, bagaimanakah pandangan kita terhadap ujian yang diberikan oleh ALLAH SWT. Kita yang menentukan bagaimanakah pandangan yang akan kita berikan bagi setiap masalah ataupun ujian yang menimpa kita ataupun disekeliling. Oleh itu, pandanglah setiap masalah, musibah dan ujian itu dengan pandangan mata lebah yang hanya melihat kebaikan di matanya bukan seperti mata lalat yang hanya mencari kekotoran sahaja. Setiap apa yang berlaku itu adalah dengan izinNya, dan pasti ada hikmah dan nikmat ALLAH SWT akan berikan kepada kita. Umpama pepatah, setelah hujan, muncul pelangi yang mewarnai. Insya-ALLAH, disebalik setiap ujian dan dugaan, ada kemanisan yang akan ALLAH SWT berikan buat kita. Sepertimana yang sedang kita alami sekarang, pandanglah fenomena pandemik COVID-19 ini dari sudut mata lebah agar kita kekal tenang, dapat berfikir dengan waras, serta tindakan yang dilakukan berfokus bagi mengatasi setiap hal itu dengan cara mahupun penyelesaian yang terbaik. Yakinkan dengan perancangan ALLAH SWT, walaupun kita mempunyai perancangan kita tersendiri. Sesungguhnya, sebaik-baik perancangan adalah perancangan daripada ALLAH SWT. Insya-ALLAH disebalik setiap kesusahan dan kesulitan pastinya ada kesenangan. Hal ini turut dinyatakan dalam Al-Quran, surah Al-Insyirah ayat 5:

“*Kerana sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan*”

-Waallahualam-

# KONSEP NAZAFAH & KITAR SEMULA



**Dr. Anas bin Abdul Rahman**  
Pensyarah Kanan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal,  
Universiti Malaysia Perlis,  
02600 Pauh Putra, Perlis, Malaysia.  
anasrahman@unimap.edu.my



**Dr Noradina binti Nordin**  
Pegawai Perubatan, Pusat Kesihatan Universiti,  
Universiti Malaysia Perlis,  
02600 Pauh Putra, Perlis, Malaysia.  
noradina@unimap.edu.my

**“Sesungguhnya Allah SWT itu baik, Dia menyukai kebaikan. Allah itu bersih, Dia menyukai kebersihan. Allah itu mulia, Dia menyukai kemuliaan. Allah itu dermawan ia menyukai kedermawanan maka bersihkanlah olehmu tempat-tempatmu dan janganlah kamu menyerupai kaum Yahudi.”**  
(Riwayat al-Tirmizi).

Topik yang ingin dibicarakan dalam artikel ini adalah amat mudah dan dekat dengan diri semua muslim, iaitu *al-Nazafah*. Dari segi asalnya, perkataan *al-Nazafah* (النظافة) adalah bermaksud penyucian. Menurut satu penulisan oleh SS Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri di laman sesawang rasmi Mufti Wilayah Persekutuan, antara perkataan lain yang boleh digunakan untuk merujuk kepada aspek kebersihan dalam bahasa Arab ialah *al-Taharah* (الطهارة), yang membawa maksud bersih, bebas dan suci daripada najis. Najis pula boleh ditakrifkan sebagai najis hissi (yang terlihat), contohnya air kencing, dan juga najis ma'nawi (yang tidak kelihatan zatnya) seperti keaiban dan maksiat.

Secara umumnya, apabila kita bercakap mengenai sumbangan pada komuniti setempat, kebanyakan daripada kita akan lebih cenderung untuk memikirkan ataupun melihat kepada penglibatan seseorang itu dalam aktiviti-aktiviti sosial di kawasan mereka. Contohnya aktiviti gotong-royong yang disertai, kenduri-kendara yang dibantu dan dihadiri, ataupun sumbangan tenaga dan dana yang diberikan untuk menaik taraf surau setempat. Namun, penulis berpendapat, selain daripada penglibatan secara makro, sumbangan pada komuniti juga perlulah bersifat mikro yang bermula daripada rumah. Ini dapat diterjemahkan dengan melihat kepada aspek yang paling mudah, iaitu kebersihan kawasan persekitaran kediaman kita.

Jadi, artikel ini ingin menyoroti dan menekankan bagaimana kita dapat memainkan peranan sebagai penduduk yang berhemah dan dapat memberikan sumbangan kepada komuniti setempat dari sudut mikro, dan bukan sahaja hanya terlibat dengan aktiviti sosial berskala besar. Dengan mengutamakan dan mengamalkan kebersihan pada ruang lingkup kediaman sendiri, kita mungkin dapat mempengaruhi jiran tetangga kita untuk menjadi lebih peka dalam aspek kebersihan setempat. Namun apa lebih penting, jika konsep *al-Nazafah* ini sentiasa dipraktikkan dalam kehidupan seharian, ia bukan sahaja akan menjadi *second nature* untuk kita, malah kita juga akan dapat memberi teladan dan contoh terbaik untuk diikuti oleh anak-anak kita.

Ini kerana tingkah laku dan percakapan kanak-kanak amat dipengaruhi oleh persekitaran dan sekeliling mereka. Kanak-

akan amat mudah menyalin ataupun meniru apa yang mereka lihat dilakukan oleh orang dewasa ataupun kanak-kanak lain. Pepatah Inggeris ada mengatakan, *“Monkey see, monkey do”* untuk merujuk kepada situasi ini. Justeru, jika kita sebagai ibu bapa gagal untuk menjadi contoh terbaik dalam percakapan mahupun perbuatan ketika di rumah bersama anak-anak, maka sukarlah untuk mereka berubah menjadi generasi dewasa yang lebih baik daripada generasi kita.

Menurut hadis riwayat Bukhari, Rasulullah SAW bersabda, *“Ketika seorang laki-laki sedang berjalan di jalan, ia menemukan dahan berduri, maka ia mengambilnya (kerana menggagunya). Lalu Allah SWT berterima kasih kepadanya dan mengampuni dosanya.”* Hadis ini jelas menunjukkan kepentingan aspek menjaga kebersihan dan memastikan keselesaan komuniti setempat pada pandangan Allah SWT.

Beberapa tahun lepas, hampir ke semua kawasan perumahan di mukim yang didiami penulis ini dibekalkan dengan ruangan kitar semula, termasuklah di kawasan kediaman penulis. Namun, di awal tahun ini, secara tiba-tiba didapati bahawa ruangan kitar semula tersebut tidak lagi wujud di taman perumahan penulis, termasuklah dengan tong-tong yang disediakan. Pada awalnya, penulis beranggapan bahawa besar kemungkinan ruangan tersebut telah diterbangkan angin kuat ketika ribut yang melanda beberapa hari sebelum itu. Namun, akhirnya persoalan penulis terjawab apabila jiran memaklumkan bahawa tong-tong tersebut telah ditarik balik oleh kontraktor pengurusan sisa pepejal yang diamanahkan.

Dengan ketiadaan sudut kitar semula ini, penulis terpaksa menjelajah ke seluruh kawasan perumahan di sekitar mukim yang didiami penulis bagi mencari tong-tong kitar semula yang lain. Pernah penulis memandu ke satu lokasi yang jaraknya lebih 10km semata-mata untuk mencari ruangan ini. Namun, setelah puas meneroka dan bertanyakan info daripada rakan-rakan setempat, penulis dimaklumkan bahawa ruangan kitar semula di kawasan perumahan mereka juga telah ditarik balik secara berperingkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Hasil



perbincangan bersama-sama rakan, penulis dapat membuat beberapa hipotesis mengapa ruangan kitar semula ini ditutup dan tidak lagi berfungsi di kawasan setempat yang didiami penulis ini.

Yang pertama adalah disebabkan kurangnya kesedaran di kalangan penduduk untuk memainkan peranan dalam mengasingkan sisa pepejal isi rumah dan barang yang boleh dikitar semula. Di negara kita ini, masih terlalu ramai yang tidak endah dan ambil peduli tentang konsep kitar semula. Sisa sampah yang tidak diuruskan dan diasingkan dengan baik akan mempunyai kesan negatif yang amat besar terhadap alam sekitar kita. Menurut satu kajian yang dijalankan oleh Prof Madya Dr. Haliza Abdul Rahman dari UPM, pada tahun 2018 sahaja, rakyat Malaysia telah membuang sumber kitar semula bernilai RM476 juta (Ahmad Tarmiji, 2020).

Keduanya, penulis juga mendapati bahawa penduduk kita suka membuang sampah ataupun barang yang tidak boleh diasingkan di sekeliling ruangan yang telah dikhaskan untuk tong-tong kitar semula, dengan harapan kontraktor pengurusan sisa pepejal ini akan mengutip sampah-sampah tersebut. Ada rakan penulis memaklumkan bahawa terdapat ruangan kitar semula di taman yang berdekatan dengan gerai makan telah digunakan untuk membuang sisa-sisa bahan mentah hasil penjualan gerai tersebut. Akhirnya, akibat tidak tahan dengan bau busuk yang melampau, penduduk taman tersebut telah bersepatat untuk membuat aduan kepada majlis perbandaran, dan memohon agar sudut kitar semula itu ditarik balik bagi mengelakkan ruangan itu berterusan dijadikan lubang pembuangan sampah oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

Disebabkan oleh perbuatan segelintir pihak yang menyalahgunakan kemudahan dan ruangan khas yang disediakan oleh majlis perbandaran bagi sisa kitar semula ini, kesannya kini dirasakan oleh seluruh penduduk setempat.

Tahukah kita semua bahawa Malaysia adalah pengguna plastik ke-2 terbesar di Asia, dimana pada tahun 2020 sahaja kita telah menggunakan 148,000 ton plastik bagi kegunaan pembungkusan makanan (Abdul Kadeer, 2021). Ditambah pula dengan tahap kesedaran masyarakat di negara ini untuk mengitar semula sampah-sarap yang masih di tahap amat rendah, kita berdepan dengan masalah alam sekitar yang amat besar, terutamanya untuk generasi yang akan datang. Memburukkan lagi keadaan, beberapa tahun lepas, Malaysia telah dikejutkan dengan penemuan beratus kontena haram yang mengandungi sisa plastik yang dieksport oleh negara maju dan didalangi orang warga tempatan yang mengaut keuntungan lumayan. Sudahlah negara kita ini penuh dengan sisa plastik disebabkan oleh penggunaan yang tidak terkawal, kemudian ada pula negara lain yang menghantar sampah plastik mereka ke Malaysia. Adakah Malaysia ini tong sampah dunia?

Berbalik pada isu kebersihan, bukankah baik jika kita mengajar anak kita dari kecil tentang konsep kitar semula dan melibatkan



mereka dalam aktiviti pengasingan sisa buangan yang boleh diproses semula ini? Bak kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungunya. Jadikan aktiviti kitar semula ini sebagai satu tabiat dan aktiviti bersama keluarga, dan libatkan anak kecil kita supaya mereka dapat melihat dan mempelajari konsep kebersihan melalui teladan yang dilakukan oleh ibu bapa mereka.

Pengalaman penulis ketika belajar di Scotland dahulu, konsep 3R, iaitu **Reducing waste, Reusing and Recycling resources and products**, adalah amat ditekankan untuk setiap isi rumah. Berbeza dengan Malaysia, di tempat penulis belajar dahulu, setiap rumah akan diberikan satu tong kecil untuk diisi dengan barang-barang yang boleh dikitar semula. Jika secara tidak sengaja kita meletakkan barang yang tidak boleh dikitar semula ke dalam tong tersebut, maka pekerja pembersihan tidak akan mengutip objek ataupun barangan tersebut. Jika kita masih meletakkan barangan yang sama ataupun sisa lain yang tidak boleh diasingkan untuk beberapa kali kutipan, maka akan ada pegawai dari pejabat majlis bandaraya yang datang ke rumah bagi memberikan nasihat kepada kita berkenaan apa yang perlu dibetulkan.

Jika kita ingin membuang barang-barang besar seperti kotak ataupun sisa organik yang banyak seperti rumput, maka kita boleh membawa barang-barang serta sisa-sisa tersebut ke pusat kitar semula yang berdekatan. Mungkin sukar untuk dipercayai, namun penulis sentiasa teruja untuk pergi ke pusat kitar semula yang berdekatan dengan kediaman penulis pada ketika itu kerana ianya amat bersih, tersusun, sistematik dan efisien. Terdetik di hati penulis - "Insya-Allah mungkin suatu hari nanti pusat kitar semula di Malaysia mampu kelihatan seperti ini." Wallahuallah.



# Amalan Muamalat Rasulullah



**Mohd Fikri Aiman Bin Mohd Zulkefli**  
Pegawai Hal Ehwal Islam  
Pusat Islam & Pembangunan Insan  
Universiti Malaysia Perlis

Muamalat (perniagaan) merupakan satu-satunya mata pencarian terpenting bagi penduduk Mekah. Rasulullah SAW yang berasal daripada keturunan Quraisy yang giat dalam perniagaan juga tidak terlepas daripada dunia perniagaan. Dalam kitab Sahih al-Bukhari (kitab himpunan hadis), terdapat lebih daripada 500 hadis Rasulullah SAW yang menyentuh tentang perniagaan. Kitab sejarah seperti Mu'jam al-Buldan telah mencatatkan peristiwa pengembaraan Rasulullah SAW berniaga ke negara jiran. Baginda sendiri menganggap perniagaan sebagai sumber rezeki yang paling luas.

Setelah wafat datuk Rasulullah SAW, Abdul Muttalib, baginda tinggal dan dipelihara oleh pakciknyanya, Abu Talib yang juga terkenal sebagai peniaga yang profesional. Pada usia 12 tahun, buat pertama kali Rasulullah SAW telah terlibat secara langsung dengan dunia perniagaan apabila pakciknyanya membawa baginda ke (Syam) Syria untuk berniaga. Meskipun usianya amat muda, namun Rasulullah SAW tidak merasa gentar malah baginda amat seronok membabitkan diri dalam bidang yang mencabar ini. Sewaktu Abu Talib mengetuai rombongan perniagaan itu, beliau meyakinkan teman-temannya bahawa Rasulullah SAW tidak akan menambah beban malah akan lebih banyak menolong dalam perniagaan mereka itu. Oleh sebab Rasulullah SAW dipelihara dan dibesarkan dalam keluarga peniaga, maka pengetahuannya tentang perniagaan terus meningkat.

Apabila baginda sudah agak dewasa dan pakciknyanya pula mula uzur kerana umur dan tanggungan yang banyak, maka baginda dengan tidak teragak-agak memulakan perniagaannya sendiri dengan membeli barangan dari sebuah pasar dan diniagakan di pasar lain. Peristiwa ini membuktikan bahawa Nabi Muhammad SAW telah memulakan perniagaan lebih awal dari masa beliau bertunang dan terlibat dengan perniagaan isterinya yang pertama Sayyidatina Khadijah r.a.

Rasulullah adalah pemimpin agung umat Islam. Baginda merupakan pemimpin pertama yang menegakkan negara Islam di Madinah. Baginda juga pemimpin dalam masyarakat, pemimpin dalam solat, pemerintah tentera dan panglima dalam peperangan. Maka demikian banyaknya tugas dan tanggungjawab baginda sebagai pemimpin. Antaranya tugas dan tanggungjawab yang dilakukan oleh Baginda bagi memantapkan kepimpinannya dari sudut memperkasakan hubungan berkaitan hubungan sesama manusia adalah

antaranya dengan meletakkan Sistem Masyarakat. Caranya adalah Baginda meletakkan dasar bagi sistem sosial, ekonomi dan politik bagi membentuk dan melahirkan masyarakat yang merangkumi hak-hak keadilan dan kebebasan seluruh penduduk Madinah. Berikutnya adalah dengan menubuhkan Institusi Percukaian. Baginda membentuk sistem kewangan yang merangkumi sumber kewangan, percukaian, zakat, jizyah, sedekah, ghanumah dan lain-lain.

## Etika muamalat Islam

Antara sumbangan Islam yang terbesar terhadap ketamadunan manusia ialah prinsip beradab atau beretika dalam semua aspek kehidupan manusia. Umat Islam diperintahkan agar memperbaiki kehidupan duniawi untuk memperoleh kebaikan kehidupan ukhrawi. Adapun segala sesuatu yang telah diciptakan oleh Allah SWT adalah sebagai manfaat dan kegunaan kehidupan manusia. Namun pada masa yang sama, manusia juga telah ditaklifkan oleh Islam sebagai khalifah atas muka bumi ini seterusnya yang lebih penting lagi sebagai pemegang amanah yang bertanggungjawab terhadap keluarga, sanak saudara, jiran tetangga, dan masyarakat secara keseluruhannya. Oleh yang demikian, apa sahaja yang dihasilkan oleh seseorang individu dalam memperolehi kekayaan tidak seharusnya hanya dinikmati oleh dirinya sahaja bahkan individu lain yang memerlukan juga berhak untuk berkongsi bersama meskipun dalam jumlah yang tidak seberapa.

Terdapat lima etika Islam dalam Sistem Kehartaan pada zaman moden ini. Dr Yusuf al-Qaradawi menyatakan bahawa etika adalah sebahagian daripada ilmu yang membahaskan mengenai nilai dan budi pekerti. Dengan demikian, etika membezakan perilaku manusia yang baik dan yang buruk.





Budi pekerti bererti sikap dan perilaku yang baik. Sifat-sifat yang baik akan mendatangkan kebaikan dan sebaliknya hal yang buruk akan menghasilkan keburukan pula. Oleh kerana itu kita perlu menjunjung tinggi nilai budi pekerti yang luhur. Ajaran budi pekerti menuntut kita agar selalu berbuat kebaikan, kebenaran, serta memupuk keharmonian gabungan manusia dengan tuhan, manusia dengan manusia, dan manusia dengan lingkungan. Hal ini sangat perlu dilakukan oleh umat manusia, kerana manusia sebagai makhluk sosial yang memerlukan adanya hubungan dengan manusia lainnya, hal ini dilakukan bertujuan untuk memenuhi keperluan hidupnya. Maka daripada itu sangat perlu kepada usaha manusia untuk mewujudkan hubungan yang harmoni antara sesama manusia. Salah satu caranya iaitu mengembangkan sikap toleransi

Istilah muamalat digunapakai dalam bahasa Melayu berasaskan perkataan bahasa Arab 'mu'amalat' yang diterjemahkan dalam bahasa Inggeris sebagai Islamic law of transactions yang secara umum berkaitan dengan mu'amalah maliyyah (kehartaan) yang boleh diklasifikasikan kepada muamalat tradisi dan muamalat baharu serta tatacara yang melengkapkan kedua-duanya. Muamalat (معاملات) merupakan kata jama' dari perkataan mufrad (معاملة). Dari sudut bahasa ia bermaksud berinteraksi atau melayan. Adapun daripada sudut istilah ia merujuk kepada hukum hakam syar'iyah yang mengatur transaksi ekonomi yang berlaku di antara individu, masyarakat atau syarikat. Manakala perkataan kehartaan ataupun maliah pula ialah merujuk kepada perkataan "Mal" yang dari sudut bahasa bermakna segala harta yang dimiliki sama ada emas, perak, benda, barang atau dokumen berharga. Pendek kata segala benda, manfaat dan hak-hak yang dimiliki oleh seseorang.

Dari sudut yang lain, terdapat para alim ulama yang menghadkan makna muamalat ini kepada hukum hakam yang berkaitan dengan harta di mana mereka sekadar membahagikan fiqh Islam kepada beberapa bab sahaja seperti fiqh Ibadat, muamalat, munakahat, dan sebagainya. Pandangan ini mungkin lebih tepat. Profesor Ali Fikri mentakrifkan muamalat sebagai ilmu yang mengatur transaksi harta dan manfaat dalam kalangan orang ramai melalui kontrak dan akad tertentu serta bentuk-bentuk tuntutan rasmi yang telah disepakati. Dengan kata lain terma istilah muamalat bermaksud hukum-hakam syariah yang mengawal dan mengatur interaksi orang ramai di antara satu dengan lain berkaitan dengan segala bentuk harta. Ia meliputi segala jenis transaksi seperti jual beli, sewa, derma seperti pemberian, waqaf, wasiat, segala bentuk "Isqathat" iaitu pelepasan dari tanggungjawab seperti melupuskan hutang seseorang, perkongsian, "Tauthiqat" seperti pengadaian, kafalah, hiwalah dan lain-lain.

## 1. Prinsip keadilan dalam muamalat

Sebagai seorang peniaga, Rasulullah SAW mengelakkan daripada terlibat dengan urusan niaga yang terdapat padanya unsur kezaliman yang boleh menimbulkan pertelagahan dan pergeseran seperti pemerasan, perjudian, penipuan dan riba. Baginda telah menentang amalan perniagaan yang diamalkan oleh orang Arab Jahiliyyah yang mengandungi unsur negatif, kezaliman dan tipu daya. Misalnya, jual beli dalam bentuk pasar gelap (*talaqqi jallab*). Begitu juga jual beli berasaskan tipu daya (*misrah*). Semua bentuk jual beli tersebut telah diharamkan oleh Rasulullah SAW. Tindakan tegas Rasulullah SAW itu adalah untuk membersihkan amalan jual beli yang kotor kepada yang telus dan bersih. Pada masa yang sama memperkenalkan secara tepat prinsip keadilan dalam bidang jual beli dan urusan niaga. Apa yang dimulakan oleh Rasulullah SAW diteruskan ke zaman khalifah sehinggalah urusan niaga kotor itu dapat dibasmi. Dalam membincangkan nilai keadilan dalam muamalat, Zaydan Abu al-Makarim menjelaskan bahawa kegelisahan jiwa dan kemarahan seseorang tidak diredakan kalau dia berasa tertipu dan dizalimi dalam jual beli. Kegelisahan sedemikian sudah tentu menimbulkan berbagai-bagai reaksi yang negatif seperti pergaduhan dan perasaan dendam.



## 2. Melindungi hak penjual dan pembeli

Dalam Islam, kedua-dua hak melibatkan pengguna dan syarikat (penjual) diberi hak yang sama untuk dijaga dengan baik. Ertinya, kedua-dua pihak mempunyai hak sama ada sesuatu jualan itu dapat ditandatangani kontraknya atau tidak; atau kontrak yang sudah ditandatangani boleh dibatalkan. Para fuqaha menamakan hak penjual (atau syarikat) dan hak pengguna sebagai *khiyar*. Tujuan asas diadakan hak ini adalah untuk mencapai **keredaaan sempurna atau kepuasan daripada kedua-dua pihak**. Di samping itu, ia juga sebagai **cara untuk mengekalkan kedamaian dalam masyarakat perniagaan** dan menjaga hubungan baik antara syarikat dan pengguna. Allah SWT dan Rasul-Nya telah menekankan bahawa jual beli hendaklah dilakukan antara dua pihak. Baginda Rasulullah SAW telah meletakkan **peraturan tertentu, sehingga setiap pihak**

boleh menunjukkan kebebasan pilihan sama ada sesuatu kontrak boleh dipakai atau dibatalkan. Kalau dilihat dari segi hukum fiqh, hak ini mempunyai banyak bentuk.

**Pertama**, persetujuan dalam pertemuan (majlis). Ertinya, persetujuan untuk menandatangani kontrak jual beli sesuatu barang dicapai dalam pertemuan antara syarikat (wakilnya) dengan pembeli. Hal sedemikian berdasarkan hadis berikut:

الْبَيْعَانُ بِالْخِيَارِ، فَإِنْ صَدَقَا وَبَيْنَا بورك  
لهما في بَيْعِهِمَا، وَإِذَا كَتَمَا وكذبا  
محقت بركة بيعهما

Maksudnya:

Jual beli dilakukan dengan tawar-menawar. Jika kedua-duanya jujur dan nyata, maka mereka diberkati tetapi jika kedua-duanya dusta dan merahsiakan, maka keberkatannya akan lenyap.

(Riwayat Abu Daud dan al-Hakim)

**Kedua**, jika salah satu pihak meminta tempoh dalam jangka waktu tertentu sebelum tandatangan dibuat dan dipersetujui oleh pihak yang diminta, maka kedua-dua pihak diberi peluang dengan bebas sama ada kontrak akan ditandatangani atau setelah sampai tempohnya. Ini juga berdasarkan hadis:

المسلمون على شروطهم

Maksudnya:

Orang-orang Islam adalah tertakluk kepada ikatan syarat-syarat yang dipersetujui.

(Riwayat Abu Daud dan al-Hakim)

Ketiga, apabila didapati sesuatu barang yang dibeli oleh pengguna tidak setepat yang digambarkan oleh kontrak, maka pengguna berhak bukan sahaja membuat pengaduan tetapi memansuhkan kontrak itu atau mendapat barang ganti yang sempurna. Dalam hal ini, Rasulullah SAW pernah bersabda:

من بايعت فقل لا خلاية

Maksudnya :

Sesiapa yang berunding untuk jual beli hendaklah dibuat tanpa tipu daya.

(Riwayat al-Bukhari)

Keempat, penipuan pada barang atau harga dilarang sama sekali. Kalau ia berlaku, pengguna berhak memulangkan barang yang telah diberi dan berhak mendapat bayaran semula sepenuhnya. Amaran Rasulullah SAW amat jelas:

لايحل لمسلم باع من أخيه بئعاً فيه عيب  
إلا بيئته له - رواية أحمد وابن ماجه

Maksudnya:

Adalah tidak halal seorang Islam menjual barang cacat kepada pengguna dengan tidak menyatakan kecacatan itu.

(Riwayat Ahmad dan Ibn Majah)



### 3. Larangan amalan monopoli dan komplot sorok barangan

Kegiatan monopoli ialah satu perbuatan membekukan atau menahan bekalan barang sehingga ke suatu keadaan yang meruncing menyebabkan harga barang itu naik mendadak dan ketika itulah ia akan dijual dan dipasarkan. Kegiatan monopoli merupakan satu keadaan di mana para peniaga yang bersifat opportunistik ini mengambil peluang dan ia secara automatik boleh menjejaskan kestabilan dan keharmonian sesebuah masyarakat. Secara kasarnya monopoli terbahagi kepada dua keadaan, iaitu pertamanya amalan membeli dan menyembunyikan barang sehingga permintaan di pasar meningkat yang bererti harga melambung. Pada ketika itu, peniaga yang menjual akan memperoleh keuntungan berlipat kali ganda daripada kebiasaan yang diperolehi. Terdapat sesetengah daripada negara maju telah membuang atau membinasakan barang keluaran mereka untuk mengekalkan harga yang tinggi. Motif mereka semata-mata mencapai keuntungan maksimum bukan perniagaan sebagai perkhidmatan masyarakat. Orang yang melakukan aktiviti menyorok barang ini jelas melakukan sesuatu yang berlawanan dengan ajaran Islam. Mereka tergolong dalam golongan orang yang bersifat tamak dan bakhil. Allah melarang sifat bakhil. Seperti mana firmanNya yang bermaksud :

Maksudnya : "Janganlah orang-orang yang bakhil memberikan dengan apa yang telah dikurniakan Allah kepadanya mengira, bahawa kebakhilan itu baik untuk mereka. Tidak! Melainkan membahayakan mereka; nanti harta yang mereka bakhilkan itu akan digantungkan dilehernya di hari kiamat. Allah yang mempusakai langit dan bumi dan mengetahui apa yang kamu kerjakan."

(Surah Al-Imran: ayat 180)

Selain itu Nabi SAW turut melarang kegiatan ini melalui sabdaNya :

*"Sesiapa yang campur tangan pasaran orang-orang Muslim dengan mengakibatkan harga naik, maka menjadi tanggungjawab Allah untuk mencampakkannya ke dalam neraka jahanam pada Hari Perhitungan."*

(Musnad Abu Daud)

Apabila seseorang memborong sejenis barang sebanyak mungkin sehingga barang itu akan berkurangan atau kemungkinan akan habis di pasaran. Dengan perbuatan sedemikian, orang ramai yang amat memerlukan barang itu tidak akan mendapat barangan tersebut. Ini menimbulkan kegelisahan dalam kalangan orang ramai, lebih-lebih lagi sekiranya barang yang dimonopoli itu merupakan barang keperluan asasi seperti beras, gula, minyak masak dan pelbagai lagi.

#### 4. Transaksi bebas riba

Mengikut Anwar Iqbal Quraishi (1973), seorang sarjana ekonomi Islam dari Pakistan, teori riba bukan sahaja menjadi bahan perbincangan dan penyelidikan sarjana Islam, malah ia turut diperbahaskan dalam kalangan sarjana ekonomi Barat. Riba yang merupakan amalan jahiliah ini, bukan sahaja dikutuk oleh Islam tetapi ia juga dikutuk oleh agama besar lain seperti agama Yahudi dan Kristian. Sebagai contoh, dalam kitab Taurat disebutkan:

Maksudnya:

*"Jangan engkau (orang Yahudi) memberi pinjaman kepada saudara engkau orang Israel berdasarkan riba, sama ada riba perak, atau makanan atau sesuatu yang berdasarkan riba."*

(Muhammad Abu Zurah, 1970)

Dasar-dasar etika dan pengurusan perniagaan tersebut telah mendapat pengiktirafan keagamaan setelah baginda dilantik menjadi Nabi. Prinsip-prinsip etika perniagaan yang diwariskan semakin mendapat pengiktirafan ahli-ahli akademik di penghujung abad ke-20 atau awal abad ke-21. Prinsip perniagaan moden seperti tujuan



Sebagai kesimpulan, Untuk meneliti akan keperibadian Rasulullah S.A.W, umat Islam perlulah terlebih dahulu memahami makna muamalah Islam yang merupakan manifestasi kepada keperibadian Rasulullah S.A.W. Ini disebabkan oleh muamalah adalah semua hukum syariat yang bersangkutan dengan urusan dunia termasuk peraturan atau tatacara dalam perhubungan sesama manusia untuk memenuhi keperluan masing-masing yang berlandaskan syariat Allah. Ringkasnya, muamalah melibatkan bidang ekonomi dan sosial Islam. Baginda merupakan contoh teladan seorang pemimpin, bapa, suami, jiran, peniaga dan sahabat yang terbaik. Justeru, umat Islam tidak perlulah mencari-cari tokoh-tokoh atau peribadi lain untuk dicontohi dan diikuti selain Rasulullah. Ini kerana umat Islam telah pun dibekalkan dengan contoh keperibadian terbaik yang merangkumi segenap aspek iaitu Nabi Muhammad SAW.



# Jom Sedekah

## Infaq Mudah Hanya Dihujung Jari

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Bandingan (dema) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya”.

Sural Al-Baqarah, ayat 261

### SEDEKAH UNTUK ANDA

- ✓ Penyelenggaraan Surau
- ✓ Penganjuran Aktiviti
- ✓ Kemudahan Dan Fasiliti Surau



SCAN QR CODE INI

<https://tinyurl.com/uef96co>

Pemegang Amanah  
PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ

“tidak bersedekah itu  
mengurangi dari harta”